

Samudera



TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA • ROYAL MALAYSIAN NAVY BIL 02/2008 • ISSN 0127-6700



Insan Cemerlang TLDM Gemilang

Perkongsian Ilmu
Ke Arah Memartabatkan
The Navy People

Kejohanan Mini Olimpik 20/2008

Ke Arah Meningkatkan
Kecemerlangan Sukan TLDM

SEL WANITA TLDM

ISSN 0127-6700



9 770127 670004

<http://www.navy.mil.my>

6 FOKUS

Sambutan Hari TLDM ke-74



LAWATAN

Lawatan ulung TYT Negeri Sabah bersama Toh Puan ke Pengkalan TLDM Kota Kinabalu

12

17 NOSTALGIA

Laksamana BOB Thana Kekal Di Ingatan *The Navy People*



LAWATAN

Kunjungan Pertama Datin Seri Jeanne Ke Pengkalan TLDM Lumut Membawa Seribu Kenangan

28

32 KRITIS

Perkongsian Ilmu Ke Arah Memartabatkan Navy People



INFO SEMASA

PR TLDM: Tiga Tahun Meneliti Cabaran Merealisasikan Impian

38

43 PERSONALITI

Woon Teras Kepimpinan Anggota TLDM



PERISTIWA

Lawatan Mesra Kukuh Ikatan Yang Terjalin

46

50 KEJOHANAN MINI OLIMPIK 20/2008

Ke Arah Meningkatkan Kecemerlangan Sukan TLDM



9 PERISTIWA

- Surat Dari DYMM Sultan

10 KUALITI

- Petunjuk Prestasi Utama

11

- Sistem Star Rating
- Majlis Penyerahan Cek Skim Takaful Berkelompok Koperasi Tentera

14 ISU MARITIM

Ancaman Di Lautan Realiti atau Fantasi

18 PERISTIWA

Kejayaan Misi Pelayaran KLD TUNAS SAMUDERA Mengellilingi Dunia Harumkan Nama Negara

24 PERISTIWA

- Sambutan Hari Terbuka Armada

26 LATIHAN

EX BELANGKAS Pertingkat Interoperabiliti TD/TLDM

27 SINAT

- Kenal Pasti Tekanan Darah Tinggi

30 PROFIL ANTARABANGSA

Friget Halimunan RSN

34 ROYAL MALAYSIAN NAVY OFFICERS ASSOCIATION

Persatuan Pesara Pegawai Tentera Laut Malaysia (Retired Malaysian Naval Officers Association)

36 AKTIVITI

Hayati Sedia Berkorban kepada Etika ATM

37 AKTIVITI

Generasi Baru berpengetahuan Amat Perlu: Penyertaan Bukan Bumiputera Digalakkan

40 BAKAT

- Bakat (L) Juara Nasyid ATM

41 BAKAT

- Juara! Bakat Laut Menyengat

44 PROFIL UNIT

Markas Angkatan Bersama (MK AB)

47 TRED KERJAYA

- Teknikal: Cabaran dan Istimewa

48 TINTA ROHANI

Kehidupan Berkualiti Menurut Perspektif Islam

49 IT

- Virus Komputer

52 SELWA

- SEL WANITA TLDM

54 CERPEN

Menjeaki Ibnu Battutah Tunas Samudera (Siri 2)

Dari Meja Ketua Editor



AHOY!

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

Syukur kehadiran Ilahi kerana dengan limpah rahmatnya maka Majalah SAMUDERA siri 2/2008 telah berjaya diterbitkan untuk meneruskan perjuangannya. Hasrat SAMUDERA untuk menjadi wadah utama penyaluran ilmu pengetahuan dan fakta serta berita rasmi TLDM telah berjaya dicapai. Perkara ini dibuktikan dengan SAMUDERA terus diterima oleh segenap lapisan pembaca dan seterusnya akan dijadikan landasan bagi mempromosikan TLDM di mata masyarakat Malaysia pula.

SAMUDERA kali ini mengambil tema 'Insan Cemerlang TLDM Gemilang' selaras dengan tema Hari TLDM ke-74. Kecemerlangan insan sebagai tonggak utama TLDM dapat dicapai dengan lebih efektif lagi dengan melaksanakan kepimpinan yang berkesan. Kepimpinan amatlah penting kerana menyentuh hubungan antara insan dan penggunaan hak dan kuasa. Kepimpinan yang dimaksudkan meliputi seluruh peringkat warga dan organisasi TLDM. Selain dari itu, TLDM turut mengamalkan konsep '*leadership by intervention*' dan '*participative leadership by involvement*' bagi membolehkan seorang pemimpin mempunyai naluri bertanggungjawab serta melibatkan diri dengan anggota yang dipimpinnya. Ia diharap akan mengurangkan masalah disiplin dan dapat mengeratkan lagi semangat berpasukan. Di waktu yang sama, Panglima Tentera Laut turut menekankan mengenai 4 aspek yang sinonim dengan TLDM iaitu '*train, lead, develop and manage*' bagi mengingatkan semua lapisan *the 'Navy People'* untuk memastikan kecemerlangan dan kegemilangan TLDM. Bersesuaian dengan tema SAMUDERA kali ini, Pusat Kepimpinan TLDM (PK TLDM) telah diberi fokus khas untuk penerbitan kali ini. Penubuhan PK TLDM diharap akan menjadi penggilap bakat kepimpinan *The Navy People* dan seterusnya memantapkan lagi seluruh organisasi TLDM.

TLDM juga kini sedaya berkembang pesat dengan penambahan aset-aset serba canggih dan pembangunan infrastruktur baru. Pembangunan ini selaras dengan keperluan menghadapi cabaran masa kini dan mendatang. Sebagai salah seorang *the Navy People*, saya ingin mengingatkan kesemua lapisan *the Navy People* untuk mempersiapkan diri kita bagi menghadapi cabaran yang mendatang tersebut. Saya berharap kita semua dapat meningkatkan ilmu pengetahuan dan kecakapan agar kita menjadi warga yang lebih terampil memenuhi amanah rakyat dan negara.

Sekian, Salam Hormat dari krew Majalah SAMUDERA.

SEDIA BERKORBAN

Samudera



PENAUNG/PENASIHAT

Laksamana Madya Dato' Hj Mohammed Noordin bin Ali

KETUA EDITOR

Laksamana Pertama Mohamad Roslan bin Mohamad Ramli

EDITOR

Kept Sabri bin Zali TLDM
Kdr Badaruddin bin Taha TLDM
Lt Kdr Rabayah bte Rahmat TLDM
Lt Kdr Mazliza bte Maaris TLDM
Lt Dya Siti Salina bte Johari PSSTLDM

WAKIL PANGKALAN TLDM LUMUT

Lt Kdr Norlida bte Rahaman TLDM

WAKIL MPL

Lt Kdr Karimah bte Awi TLDM

WAKIL MAWILLA 1

Lt Muhammad Ashraf bin Mahmud TLDM

WAKIL MAWILLA 2

Lt Mohd Zahrizan bin Dinin TLDM

WAKIL MAWILLA 3

Lt Muhammad Nashahi bin Nazri TLDM

WAKIL KDSI

Lt Nurshuhada bte Abdul Rahman TLDM

PENGEDARAN

BM KNA Rosdi bin Muhammad
BM PBS Kamarul Zaman bin Masery

GAMBAR EHSAN

PR KEMENTAH
PR Markas Tentera Laut
PR Markas Armada
PR Markas Pendidikan dan Latihan
PR KD Sultan Ismail

REKABENTUK

D'FA Print Sdn. Bhd.
No.16 Jalan P10/21
Selaman Light Industrial Park,
43650, Bandar Baru Bangi, Selangor D.E.

SAMUDERA diterbitkan sebanyak tiga kali setahun oleh Markas Tentera Laut, Kementerian Pertahanan, K. Lumpur dan diedarkan secara percuma. SAMUDERA mengalu-alukan sumbangan rencana, berita, gambar, cerpen, puisi dan seumpamanya daripada seluruh warga TLDM dan para pembaca yang budiman. Sila hantarkan sumbangan anda sama ada secara pos atau e-mel kepada:

Pengarang Samudera, Bahagian Rancang dan Operasi, Markas Tentera Laut, Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak, 50634 KUALA LUMPUR.
Tel : 03 - 2071 3218 / 3072 / 3074
Faks : 03 - 2698 1680 / 2692 7677
E-mel : editorsamudera1@yahoo.com
<http://www.navy.mil.my>



DARI PENA PTL LAKSAMANA DATUK ABDUL AZIZ BIN HAJI JAAFAR

Segala puji khusus bagi Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat saya memberikan sepatah dua kata dalam Majalah SAMUDERA bil 2/2008 bagi tahun ini.

Sepanjang 5 bulan sejak dilantik sebagai Panglima Tentera Laut, saya telah berusaha untuk menangani pelbagai masalah yang berbangkit di dalam TLDM dengan mengadakan lawatan dan dialog di semua pangkalan TLDM. Peluang ini juga telah saya gunakan sebaik mungkin untuk memaklumkan pengharapan dan strategi saya bagi membangunkan TLDM dengan bersemuka sendiri dengan Pegawai-Pegawai Kanan, Pegawai-Pegawai Memerintah, Para Pegawai, Bintara dan warga Formasi/Markas yang saya lawati. Pada hemat saya, usaha ini perlu diteruskan oleh Panglima-Panglima Wilayah dan Pegawai-Pegawai Memerintah bagi melihat dan mendengar sendiri masalah anggota dan keadaan terkini formasi dan unit-unit di bawah naungan. Cara sedemikian dipercayai berkesan dalam menentukan kebajikan dan kesejahteraan warga TLDM sentiasa terjaga.

Baru-baru ini kerajaan telah mengumumkan langkah berjimat cermat bagi menghadapi tekanan kenaikan harga minyak dan makanan di pasaran dunia. Semua jabatan kerajaan, termasuk TLDM dan ATM, telah diarah mengurangkan perbelanjaan sebanyak 10% daripada apa yang telah diperuntukkan bagi menyokong hasrat kerajaan. Penjimatan ini seterusnya akan disalurkan kepada kita juga melalui subsidi-subsidi yang sedia ada dan projek-projek yang berunsur kebajikan dan kesejahteraan rakyat. Beberapa projek, khususnya ke arah pemodenan aset dan infrastruktur TLDM, berkemungkinan tidak dapat dilaksanakan dan akan dijanjkan ke Rancangan Malaysia yang akan datang. TLDM perlu menghadapi situasi ini dengan positif dan cuba mengadaptasi perubahan yang tidak diduga ini seberapa baik yang mungkin. Ini memerlukan kita untuk re-strategise segala perancangan yang telah dilakukan dengan memberi fokus kepada projek-projek yang memberi nilai pulangan atau impak yang tertinggi terhadap rakyat dan warga *the Navy People*. Jadikanlah situasi ini sebagai satu peluang keemasan bagi kita melaksanakan consolidation dengan melihat proses kerja kita dalam perspektif rantaian nilai (*value chain*) dan dalam memantapkan lagi proses yang sedia ada baik dari segi perolehan, senggaraan atau latihan.

Dalam konteks yang lebih mikro pula, penjimatan perlu dimulai di peringkat individu itu sendiri. Sesuaikanlah keadaan kenaikan harga ini dengan mengamalkan konsep perbelanjaan berhema dan berjimat ibarat "sediakan payung sebelum hujan" bagi menghadapi hari-hari yang mendatang. Sesungguhnya kebanyakan masalah yang timbul bermula dari ketidakupayaan seseorang untuk menguruskan kewangannya dengan bijak. Pegawai Bahagian dan Bintara disarankan untuk sentiasa memberi nasihat pengurusan kewangan bagi menentukan anggota tidak terjebak dalam masalah kewangan yang serius.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyatakan pemerhatian (*concern*) saya terhadap beberapa kejadian dan kes

tatatertib yang secara langsung menjejaskan nama baik dan imej TLDM. Sepertimana yang saya pernah katakan sebelum ini, sebagai pemimpin tertinggi TLDM, saya mengguna pakai konsep '*centralised planning, decentralised execution*', dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Tanggungjawab tersebut saya turunkan (*empower*) kepada Panglima-Panglima, Pegawai-pegawai Memerintah, Pegawai-pegawai dan Bintara-bintara dalam mengimplementasikan segala arahan dan polisi yang dikeluarkan dengan harapan ianya akan dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Saranan saya bagi mengawal permasalahan ini ialah dengan setiap pemerintah melaksanakan *self-inspection, management by walking around (MBWA)*, melaksanakan lawatan waktu sunyi (*night rounds*), membudayakan sikap tegur-menegur dan pada masa yang sama memotivasikan anggota bawahan bagi menentukan nilai TLDM (*RMN Values*) sentiasa diamalkan. Begitu juga dengan peranan Sistem Bahagian (*Divisional System*) yang perlu diperkasa oleh setiap Pemerintah, Pegawai dan Bintara Bahagian dan bukannya diserahkan bulat-bulat kepada mana-mana pihak. Pada dasarnya, penekanan perlu diberikan bagi membendung dan bukannya menunggu (*wait and see culture*) atau mengubati permasalahan yang timbul. Pendekatan yang terakhir ialah untuk membuang atau mengeluarkan masalah tersebut atau dalam bahasa Inggerisnya "*If you cannot solve the problem, remove it!*" daripada membiarkan ia merebak ke orang atau tempat lain. Seharusnya insiden-insiden yang berlaku ini dijadikan iktibar supaya ianya tidak berulang. Saya telah mengarahkan agar pengarah melalui Memo Am TLDM dikeluarkan untuk mengenakan hukuman berat termasuk diberhentikan daripada perkhidmatan terhadap anggota yang mencemarkan nama baik dan imej TLDM. Tidak salah jika saya katakan musuh utama yang dihadapi oleh TLDM kini bukanlah musuh di luar tetapi segelintir warga TLDM sendiri.

Antara sedar atau tidak, lantaran melaksanakan tugas seharian, rupanya tinggal 4 bulan lagi sebelum kita menempuh tahun baru 2009. Para pemerintah sehingga ke peringkat bawahan disarankan untuk melihat semula sasaran-sasaran yang telah ditetapkan di dalam the Navy Plan 2008 dan individual scorecard masing-masing bagi melihat dan memantau semula pencapaian dan prestasi terkini sebelum penghujung tahun ini. Kita juga akan meraikan Sambutan Jubli Intan Hari Angkatan Tentera Malaysia ke-75 tidak lama lagi. Fahami dan hayatilah perjuangan dan sumbangan yang pernah dilakukan oleh pahlawan-pahlawan sebelum ini. Kita yang telah 'dipilih' untuk mewarisi tugas tersebut mempunyai tanggungjawab yang lebih besar dalam menentukan keamanan dan kesejahteraan negara berkekalan sehingga kita dapat menurunkan tanggungjawab tersebut kepada generasi akan datang.

Di kesempatan ini juga, izinkan saya untuk mengucapkan Selamat Berpuasa serta Selamat Hari Raya kepada seluruh warga TLDM yang beragama Islam. Mudah-mudahan kita semua tabah menghadapi segala ujian dan dugaan di samping terus mempertingkatkan iman di sepanjang bulan Ramadan yang mulia ini. Akhir kata saya mendoakan agar warga *the Navy People* akan sentiasa memperoleh kesejahteraan dan keberkatan berterusan dalam usaha kita ke arah *a World Class Navy*. Sekian. Wassalam.

SEDIA BERKORBAN



Sambutan HARI TLDM KE-74

INSAN CEMERLANG TLDM GEMILANG



Tanggal 27 April yang lalu sekali lagi TLDM telah menyambut ulang tahun kelahirannya yang ke 74. Sambutan pada tahun ini tidak kurang meriahnya berbanding tahun-

tahun yang lepas. Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan bagi meraikan hari yang penuh bermakna itu.

Sambutan Hari TLDM di Pangkalan

TLDM Lumut telah dimulakan sebelum tarikh keramat 27 April lagi. Antara aktiviti-aktiviti tersebut adalah Kempen Derma Darah yang telah diadakan pada 16 Apr dan Perjumpaan Keagamaan Khas serta Majlis Kesyukuran dan Tahliil pada 24 Apr. Manakala Hari Terbuka Armada yang dilaksanakan pada 26 dan 27 Apr merupakan acara yang memberi impak paling bermakna, bukan sahaja kepada warga TLDM keseluruhannya, malah kepada pengunjung-pengunjung yang datang dari dalam dan luar pangkalan di mana mereka berpeluang mengenali TLDM dan asetnya dengan lebih dekat.



Upacara pemotongan kek sempena Sambutan Hari TLDM dilakukan secara beramai-ramai.

Istiadat perbarisan pada 27 Apr lalu adalah acara kemuncak sambutan Hari TLDM tahun ini. Semua peringkat warga *Navy People* telah berkumpul seawal jam 7 pagi di Padang Kawad



KD PELANDOK bagi menyaksikan perbarisan Hari TLDM yang diterajui oleh Ketua Fakulti Kejuruteraan, Kdr Mazlan bin Yasin TLDM selaku Pegawai Perbarisan. Perbarisan yang melibatkan kira-kira 300 anggota telah berjaya mempamerkan komitmen serta kerjasama yang tinggi demi memastikan upacara pada hari tersebut berjalan dengan lancar. Pada hari yang sama, 'Hari Bersama Wartawan' turut diadakan bagi menghargai jasa dan kerjasama pihak media dalam mempromosi TLDM di Media Cetak dan Media Elektronik. Bersempena hari bersejarah ini juga, BAKAT (L) turut meraikan kanak-kanak Istimewa dan Kurang Upaya di Markas Udara TLDM seterusnya mengadakan lawatan kebajikan ke 96 HAT pada 29 Apr lalu.



Majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan kepada anggota yang terlibat dilakukan oleh Panglima Wilayah Laut 2.

Manakala sambutan di Markas Wilayah Laut 1 pula perbarisan Hari TLDM di mana warga Markas telah berkumpul di Padang Kawat Markas untuk mendengar amanat Panglima Tentera Laut yang dibacakan oleh Ketua Staf iaitu Kdr Ismail bin Safaii TLDM. Perbarisan ini telah diserikan lagi dengan kehadiran PLKN Kuantan yang sama-sama hadir di Padang Kawat Markas. Selesai perbarisan, semua anggota Markas telah beransur ke Rumah Kediaman TLDM Balok Perdana untuk menyaksikan sambutan di sana.

yang melibatkan lapan buah kereta menjual peralatan kereta, pakaian dan juga makanan turut diadakan TLDM dimeriahkan lagi dengan Majlis Memotong Kek yang melibatkan pegawai-pegawai kanan Markas dan juga ahli keluarga warga Markas. Turut diadakan pertandingan karaoke di hadapan Dewan Serbaguna Balok Perdana. Penyertaan tersebut telah dibuka kepada anggota Markas dan pengunjung yang hadir di mana seramai dua puluh lima orang peserta telah mengambil bahagian.

oleh warga *Navy People* unit-unit di bawah naungan Markas Wilayah Laut 2 dan warga pangkalan tersebut. Acara perbarisan dimulakan dengan Panglima Wilayah Laut 2, Laksamana Pertama Syed Zahiruddin Putra bin Syed Osman memeriksa perbarisan terdiri daripada sembilan platun yang diketuai oleh Lt Kdr Ahmad Nazree bin Abu Hasan TLDM selaku Pegawai Perbarisan. Selesai sahaja acara tersebut, beliau telah menyampaikan ucapan perutusan Yang Berbahagia Panglima Tentera Laut, Laksamana Dato' Sri Abdul Aziz bin Hj Jaafar sempena Hari TLDM ke 74. Acara perbarisan ini diteruskan dengan jamuan ringan dan ramah mesra di kalangan anggota bersama Panglima Wilayah Laut 2 setelah perbarisan selesai. **S**

Pameran peralatan unit-unit di Markas ini telah dibuat sebagai pendedahan kepada orang awam tentang fungsi dan peranan setiap peralatan. Selain itu juga, *Car Boot Sale*

Acara kemuncak Perbarisan Hari TLDM ke 74 di Markas Wilayah Laut 2 telah dilaksanakan dengan penuh istiadat di Pangkalan TLDM Kota Kinabalu, Sabah dihadiri di





Petikan Ucapan:

PANGLIMA TENTERA LAUT

“TLDM kini sedang berkembang dengan pesat dengan penambahan aset-aset yang canggih, pembangunan infrastruktur baru serta peningkatan fasilitet yang sedia ada. Pembangunan ini adalah seiring dengan keperluan dan cabaran yang dihadapi oleh TLDM pada masa kini. Projek-projek seperti pembinaan kapal-kapal generasi baru PV, penerimaan kapal selam tercanggih dirantau ini akan memperlihatkan keupayaan TLDM ditingkatkan dengan signifikan sekali. TLDM juga berhasrat untuk memperoleh beberapa lagi aset-aset strategik yang lain bagi meningkatkan lagi tahap keupayaan tempur ataupun *war fighting capabilities*.

Melihat kepada keadaan dunia yang makin dilanda dengan pelbagai bencana alam, ATM dalam perancangan untuk melaksanakan perolehan kapal pelbagai fungsi ataupun *multi role support ship* yang berkeupayaan melaksanakan misi-misi bantuan kemanusiaan dan bencana alam atau *humanitarian assistance and disaster relief* bagi memudahkan penyaluran bantuan yang diperlukan dengan cepat dan berkesan di kawasan operasi berkaitan. Keadaan geografi Malaysia yang terbahagi kepada Malaysia timur dan barat dan dikelilingi oleh lautan-lautan yang luas menjadikan perolehan aset-aset ini lebih relevan lagi.

Segala pembangunan dan perolehan yang telah dirancang ini bagi mencapai wawasan TLDM iaitu ‘Menjadi Tentera Laut Yang Berkualiti’ dan misi TLDM iaitu ‘Menyedia Dan Mengatur Gerak Angkatan Laut Kita Untuk Melindungi Kepentingan Maritim Malaysia Semasa Aman Dan Memastikan Kemenangan Semasa Perang’, tidak akan di kecapi jikalau kita tidak mempunyai nilai-nilai yang diperlukan bagi menjadi seorang insan yang cemerlang.

Saya percaya pembangunan sesebuah organisasi atau *hardware* perlulah seiring dengan pembangunan anggotanya atau *humanware*. Kepincangan dalam mencari equilibrium atau keseimbangan di antara organisasi TLDM dan *the Navy People* akan membantutkan pembangunan kita ke arah *a world class Navy*. Bagi saya, pembangunan ke arah *a world class mindset* adalah lebih penting sebelum usaha-usaha dilakukan untuk membangunkan TLDM ke arah *a world class Navy*.” S





Tarikh : 25 September 2008

Yang Berbahagia Laksamana Dato' Abdul Aziz bin Haji Jaafar
Panglima Tentera Laut
Kementerian Pertahanan
Jalan Padang Tembak
50634 KUALA LUMPUR.

Yang Berbahagia Laksamana Dato',

Terlebih dahulu Beta ingin mengucapkan Selamat Berpuasa dan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri kepada semua warga TLDM khususnya kepada pegawai dan anggota yang terlibat dengan penugasan di Perairan Teluk Aden.

Dalam menjalankan tugas operasi demi Agama, Bangsa dan Negara, Beta berharap semua pegawai dan anggota, dapat melaksanakan tugas yang telah diamanahkan dengan tabah dan sabar. Beta menyanjung tinggi dan melahirkan rasa bangga dengan komitmen yang ditunjukkan dalam usaha untuk menyelamatkan anak-anak kapal Bunga Melati 2 dan Bunga Melati 5 yang telah ditawan di Perairan Teluk Aden. Beta percaya segala usaha murni ini akan diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Beta berdoa semoga warga TLDM dikurniakan taufiq dan hidayah dan sentiasa berada di dalam pemeliharaanNya. Beta akhiri dengan ucapan Selamat Berpuasa dan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri yang akan tiba tidak lama lagi. Selamat menjalankan tugas dan sedia berkorban.

Sekian,

**D.Y.M.M. SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
SULTAN SELANGOR**

PETUNJUK PRESTASI UTAMA

Oleh: Lt Kdr Shamsul Amery bin Zainuddin TLDM
Bahagian Pengurusan Strategik, MK TL

The Navy Plan merupakan satu pelan perancangan dan pengurusan strategik yang dibangunkan ke arah mencapai misi dan visi TLDM. The Navy Plan boleh juga diibaratkan sebagai Pelan Pelayaran TLDM untuk menuju ke destinasi yang ingin dituju iaitu Menjadi Tentera Laut Yang Berkualiti. The Navy Plan mengandungi strategi-strategi utama yang dikenali sebagai Objektif Strategi atau Key Result Area (KRA) yang merangkumi 4 perspektif. Melalui metodologi Balanced Scorecard (BSC), setiap KRA dirangka dengan teliti bagi memastikan strategi TLDM untuk mencapai misi dan visi TLDM yang telah ditetapkan dapat dicapai.

Elemen utama yang perlu ada di dalam setiap KRA ialah Petunjuk Prestasi Utama atau Key Performance Indicator (KPI). KPI ini perlu diwujudkan bagi mengukur pencapaian setiap KRA yang ditetapkan dalam the Navy Plan. KPI merupakan petunjuk atau pengukuran prestasi yang mengukur pencapaian sesuatu strategi atau bidang yang ditumpukan. Satu KPI yang lengkap perlu mengandungi pengukuran (measurement) dan juga sasaran (target).

Kategori KPI

KPI dapat dikategorikan kepada 3 bahagian utama iaitu functional KPI, shared KPI dan common KPI. Functional KPI ialah KPI yang mengukur prestasi atau pencapaian tugas teras atau tugas utama yang dilaksanakan oleh organisasi mahupun individu. Functional KPI diwujudkan berdasarkan kepada peranan dan bidang tugas utama yang dilaksanakan oleh sesebuah organisasi ataupun individu.

Shared KPI ialah KPI yang dikongsi bersama bagi mengukur prestasi setiap organisasi dan individu. KPI ini diwujudkan bagi menyokong KPI yang sama di peringkat atasan. KPI ini mempunyai pengukuran dan sasaran yang sama bagi setiap organisasi mahupun individu, tetapi pencapaian adalah bergantung kepada prestasi organisasi atau individu itu sendiri.

Common KPI pula merujuk kepada pengukuran yang kebiasaannya perlu ada oleh setiap organisasi ataupun individu. KPI ini mempunyai pengukuran yang sama tetapi sasaran dan hasil pencapaian mungkin berbeza di antara organisasi ataupun individu.

Contoh KPI seperti berikut:

Kategori KPI	Contoh KPI
Functional KPI	Peratus operasi yang dilaksanakan Jumlah jam latihan yang dilaksanakan
Shared KPI	Bilangan kemalangan yang berlaku ditempat kerja Taraf kesihatan diri anggota
Common KPI	Indeks Kepuasan Staf Indeks Kepuasan Pelanggan Dalam

Kriteria Pembangunan KPI

Beberapa kriteria perlu diberi perhatian dalam membangunkan sesuatu KPI yang baik. Pembangunan KPI perlu memenuhi konsep SMARTA seperti berikut:

- **S ~ Specific.** KPI perlu spesifik dan memfokuskan kepada perkara yang berkaitan dengan bidang yang ingin diukur.
- **M ~ Measurable.** KPI perlu mudah untuk diukur dengan menggunakan pengukuran pengukuran seperti peratus, bilangan, indék, nisbah, tahap, gred dan lain-lain.
- **A ~ Achievable.** Sasaran yang ditetapkan bagi KPI perlu boleh dicapai. Sasaran yang tidak mungkin dicapai perlu dielakkan.
- **R ~ Realistic.** KPI perlu mengukur sesuatu pencapaian yang sebenar.
- **T ~ Timeframe.** KPI perlu mempunyai jangka masa tertentu yang perlu dicapai.
- **A ~ Alignment.** KPI perlu sejajar dengan matlamat atau KRA di peringkat atasan.

Jenis-Jenis KPI

Pengukuran prestasi dapat diklasifikasikan kepada 3 jenis utama iaitu input, output dan outcome.

Input ~ Pengukuran prestasi ini mengukur terhadap apa yang dilaksanakan. Ia merupakan pengukuran yang paling ringkas dan senang untuk diukur. Walau bagaimanapun, pengukuran jenis ini mempunyai kekangan dalam memberikan maklumat yang tepat untuk membuat keputusan. *Contoh:*

- Bilangan kursus yang dilaksanakan
- Peratus projek yang disiapkan

Output ~ Pengukuran prestasi ini mengukur keluaran atau output yang dihasilkan oleh sesuatu program atau aktiviti.

Contoh:

- Peratus kelulusan warga TLDM dalam kursus yang dihadiri
- Peratus kerosakan yang dibaiki dalam masa ditetapkan

Outcome – Pengukuran prestasi ini mengukur hasil yang dicapai daripada pelaksanaan sesuatu aktiviti atau program yang dilaksanakan. Pengukuran ini dapat menggambarkan dengan jelas terhadap keputusan yang dicapai bagi kepuasan pihak berkepentingan. *Contoh:*

- Indeks Kepuasan Pelanggan
- Bilangan aduan pelanggan yang diterima

Ketiga-tiga jenis pengukuran yang dinyatakan di atas boleh dikelaskan kepada 2 bentuk pengukuran iaitu lagging indicator dan leading indicator. Lagging indicator ialah pengukuran prestasi yang mana memberi kesan langsung kepada tindakan yang telah dilaksanakan. Biasanya pengukuran ini memfokuskan terhadap keputusan pada setiap akhir sesuatu jangka masa tertentu dan bersifat pengukuran masa lepas (historical performance). Contoh KPI yang berbentuk lagging indicator ialah Indeks Kepuasan Pelanggan.

Leading indicator pula ialah pengukuran yang dapat memacu lagging indicator. Terdapat kaitan di antara kedua-dua bentuk pengukuran ini di mana leading indicator akan dapat meningkatkan prestasi lagging indicator yang diukur. Contohnya, KPI iaitu Bilangan aduan pelanggan yang diambil tindakan akan dapat meningkatkan pencapaian bagi KPI Indeks Kepuasan Pelanggan.

Kesimpulan

Petunjuk Prestasi Utama yang mantap akan menentukan pengukuran yang berkesan bagi menilai prestasi sesebuah organisasi mahupun individu. Justeru, setiap KPI yang dibangunkan perlu mengambil kira kesemua elemen dan kriteria yang dinyatakan supaya sesuatu bidang dapat diukur dengan jelas dan tepat. Selain itu, KPI perlu diuruskan dengan baik agar sasaran yang ditetapkan dapat dicapai. Oleh itu, inisiatif dan pelan tindak yang komprehensif perlu dirancang dan dilaksanakan agar pencapaian setiap KPI dapat dicapai dengan jayanya. **S**

SISTEM STAR RATING (SSR)

Oleh: **Bahagian Pengurusan Strategik, Mk TL**

Sistem Penarafan Bintang atau Sistem Star Rating (SSR) telah diperkenalkan pada 1 Dis 06. Sistem ini telah disarankan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia bagi menilai tahap pengurusan dan perkhidmatan yang diberikan oleh sesebuah kementerian atau jabatan kerajaan. Penilaian ini dilaksanakan secara menyeluruh oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia atau MAMPU ke atas Jabatan-jabatan Utama dan Agensi-agensi Pusat di setiap kementerian.

Pada tahun 2007, Kementerian Pertahanan telah dinilai dengan penarafan 3 bintang. Pada tahun 2008, penilaian SSR di Kementerian Pertahanan dan agensi-agensi bawahan akan dilaksanakan pada bulan Oktober. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Panglima-Panglima (JPP) ATM telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan Jawatankuasa Persiapan Pelaksanaan Sistem Star Rating (SSR)



ATM bagi mengurus dan menentukan pelaksanaan SSR ATM dilaksanakan dengan baik serta menentukan ATM mencapai sasaran 5 bintang.

3 aspek utama akan dinilai dalam pelaksanaan SSR iaitu:

a. Aspek Pengurusan (50%).

Perkara yang dinilai dalam aspek ini ialah Pengurusan Organisasi, Pengurusan Kewangan, Pengurusan Sumber Manusia, Pengurusan Projek Pembangunan dan Pengurusan ICT.

b. Aspek Perkhidmatan Teras (25%).

Perkara yang dinilai dalam aspek ini ialah dasar dan program yang dilaksanakan merangkumi proses penggubalan, prestasi pelaksanaan, mekanisme pemantauan dan keberkesanan melalui kajian semula.

c. Aspek Pengurusan Pelanggan (25%).

Perkara yang dinilai dalam aspek ini ialah tentang piagam pelanggan dan usaha-usaha promosi ke arah penambahbaikan terhadap khidmat

pelanggan.

Penilaian akan dilaksanakan oleh pihak MAMPU terhadap organisasi yang terpilih bagi memeriksa kriteria-kriteria yang telah ditetapkan. Organisasi atau jabatan yang diperiksa perlu menyediakan semua maklumat dan bahan bukti yang diperlukan berdasarkan kriteria tersebut.

Skala peratus pemarkahan bagi penarafan bintang adalah seperti berikut :

Peratus Markah	Penarafan Bintang
90% - 100%	5 Bintang
75% - 89%	4 Bintang
60% - 74%	3 Bintang
46% - 59%	2 Bintang
< 45%	1 Bintang

Penarafan bintang yang diperolehi akan menentukan kualiti dan tahap kecemerlangan pengurusan dan perkhidmatan sesebuah organisasi. Oleh itu, setiap markas dan unit TLDM perlu sentiasa bersedia dan mematuhi setiap kriteria yang telah ditetapkan dalam SSR agar dapat menyumbang kepada pencapaian sasaran TLDM khususnya dan ATM amnya. **S**

MAJLIS PENYERAHAN CEK SKIM TAKAFUL BERKELOMPOK KOPERASI TENTERA KEPADA WARIS ALLAHYARHAM 822361 LK I KMT SHAHFAME BIN RAMLY

Majlis Penyerahan Cek Takaful Berkelompok Koperasi Tentera kepada Waris Allahyarham 822361 LK I KMT Shahfame bin Ramly telah disempurnakan oleh YBhg Timbalan Panglima Tentera Laut selaku Pengerusi LEKAS TLDM iaitu Laksamana Madya Dato' Mohammed Noordin bin Ali pada 061415H Nov 08.

Cek berjumlah RM 33,000.00 telah disampaikan oleh YBhg Dato' kepada balu Allahyarham iaitu Puan Zalina binti Morad bertempat di pejabat YBhg Timbalan Tentera Laut sambil disaksikan oleh Pengarah Cawangan Sumber Manusia Pembangunan Kept Hj Roslan bin Hj Haron TLDM.

Allahyarham merupakan anggota tumpangan sukan di Cawangan Pembangunan Sumber Manusia Markas Tentera Laut mulai 20 Sep 04 sehingga 31 Dis 08. Beliau merupakan atlet menembak TLDM dan juga pernah mewakili Malaysia bagi acara Rifle Prone. Allahyarham meninggal dunia pada 31 Dis 07 disebabkan Tuberculosis Cough/Haematemesis ketika berusia 31 tahun. Allahyarham meninggalkan seorang balu dan 2 orang cahaya mata perempuan Nur Syamiela Farhana 6 tahun dan Nur Fatim Sahira 3 tahun.

Sama-sama kita mendoakan roh Allahyarham berada dalam golongan orang yang beriman. Al-Fatihah.

Daripada: BK PTI Mohd Husin bin Idris
Lembaga Kawalan Sukan (LEKAS)
Markas Tentera Laut



Lawatan Ulung Tuan Yang Terutama Negeri Sabah Bersama Toh Puan Ke Pangkalan TLDM Kota Kinabalu

Oleh: PR MAWILLA 2

Pada 26 Jun 08 Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Panglima Haji Ahmadshah bin Abdullah berkenan membuat lawatan Ulung ke Pangkalan TLDM Kota Kinabalu, Teluk Sepangar. Rombongan tersebut turut dihadiri oleh Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Seri Panglima Hajah Dayang Masuyah binti Awang Japar bersama dif-dif kehormat yang lain.

AcaradimulakandenganPemeriksaanKawalanKehormatan di Padang Kawad Markas dan seterusnya menandatangani buku pelawat di Lobi Markas. Acara diteruskan lagi dengan taklimat pangkalan yang telah disampaikan oleh Panglima Wilayah Laut 2, Laksamana Pertama Syed Zahiruddin Putra bin Syed Osman.



Upacara penanaman pokok Rhu di Wisma Pegawai PTKK.

Selepas selesai acara tersebut, Tuan Yang Terutama membuat lawatan di sekitar pangkalan merangkumi kawasan masjid, sekolah, hospital TLDM dan premis perniagaan. Premis ini juga mampu menampung keperluan harian di pangkalan TLDM Teluk Sepangar, Kota Kinabalu.

Seterusnya Tuan Yang Terutama berkenan untuk merasmikan Masjid PTKK. Masjid ini telah dinamakan Ibnu Batuta sempena nama seorang cendekiawan Islam zaman dahulu. Ianya berkeluasan 22,000 kaki persegi dan boleh memuatkan 1000 jemaah dalam satu-satu masa. Masjid ini juga dilengkapi kemudahan seperti paparan digital waktu

solat, LCD screen untuk Khutbah Jumaat, pejabat agama, tadika dan pengurusan jenazah.

Tuan Yang Terutama meneruskan lawatan ke sekitar Kompleks Sukan dan melihat sendiri kemudahan yang disediakan dan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh warga Navy People di pangkalan ini. Selepas itu, TYT melakukan upacara penanaman pokok Rhu di Wisma Pegawai. Majlis selesai pada jam 1200 dan Tuan Yang Terutama berpuas hati dengan aturcara dan layanan yang diberikan serta turut memberi sumbangan untuk pembangunan Masjid Ibnu Batuta. **S**






ANCAMAN DI LAUTAN

Realiti atau Fantasi?

Oleh: **Nazery Khalid Fellow Kanan, Institut Maritim Malaysia (MIMA)**

Semenjak insiden 11 September 2001, masyarakat antarabangsa semakin memberikan tumpuan terhadap isu keselamatan maritim. Pasca 11 September, ancaman keganasan disebut sebagai satu bentuk risiko baru di lautan di samping risiko seperti pencemaran, penyeludupan dan kemalangan melibatkan kapal. Dengan tak semena-mena, perbincangan mengenai keselamatan maritim mencakupi dimensi yang lebih meluas walaupun setakat ini, tiada maklumat risik dari agensi keselamatan maritim yang mencadangkan adanya ancaman keganasan yang kredibel terhadap aset-aset maritim seperti kapal dagangan, pelabuhan dan pelantar minyak.

Serangan melibatkan pesawat penumpang ke atas beberapa simbol kuasa politik dan komersil Amerika Syarikat dikhuatiri oleh beberapa pihak sebagai bakal diulangi di lautan. Walaupun dakwaan sesetengah para penganalisa



keselamatan yang serangan udara 11 September 'versi maritim' bakal berlaku boleh dipertikaikan kesahihannya berdasarkan kebarangkaliannya yang rendah, momokkan mereka diberikan liputan meluas oleh media antarabangsa. Lebih malang lagi, ancaman keganasan sering dikaitkan dengan ancaman lanun walaupun kedua-duanya merupakan fenomena yang jauh berbeza, baik dari segi takrifan perundangan maupun 'para pelaku' yang terlibat.

Walaupun ada persamaan dari segi elemen-elemen



Kapal-kapal juga menghadapi ancaman.



Peningkatan mengadakan latihan membolehkan kecekapan kita menangani ancaman lanun.

yang terlibat dalam mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi aktiviti keganasan dan pelanunan, objektif penganas dan lanun jauh berbeza. Penganas menyerang atas nama ideologi dan bermatlamat untuk mendatangkan kemusnahan semaksima mungkin untuk 'tontonan umum', tetapi lanun menyamun untuk mendapatkan pulangan komersil dan seboleh mungkin tidak mahu kegiatan mereka mendapat perhatian umum.

Diperhatikan yang kecenderungan pihak-pihak tertentu untuk mengaitkan ancaman keganasan dengan pelanunan didorong oleh situasi geo-politik dan ekonomi yang menggalakkan fenomena kedua-duanya. Hasil dari 'penggabungan' terrorisme dan pelanunan ini pada puncanya, penyelesaian yang dicadangkan tidak mungkin berkesan bagi membendung ancaman dua fenomena yang berbeza ini.

Tidak dapat dinafikan yang ancaman pelanunan ialah ancaman yang nyata yang pada realitinya telah wujud sejak berkurun-kurun dahulu. Akhir-akhir ini, tahap keganasan serangan lanun semakin meningkat seperti yang dilihat di perairan Somalia, walaupun secara keseluruhannya jumlah serangan lanun semakin berkurangan di seluruh dunia. Walaupun perairan Asia Tenggara pernah menyaksikan serangan

penganas ke atas kapal melibatkan pengeboman feri penumpang *Superferry 14* di Filipina pada tahun 2004, namun rekod menunjukkan yang belum pernah ada kes penganas merampas kapal bagi tujuan komersil sebagaimana objektif lanun. Jelas berdasarkan serangan ke atas *Superferry 14* yang meragut 116 nyawa, penganas nekad mendatangkan kemusnahan dan kematian sebanyak mungkin.

Di sinilah terletaknya kelemahan teori yang mengaitkan aktiviti terrorisme dengan pelanunan. Bukan sahaja objektif mereka bercanggah antara satu sama lain, malah kebolehan dan modus operandi aktiviti mereka juga jauh berbeza. Malah, kedua-dua kumpulan ini mungkin tidak menyenangi kehadiran satu sama lain kerana ia bakal menarik perhatian, pemantauan dan penguatkuasaan agensi keselamatan maritim ke atas aktiviti mereka.

Mengolah strategi tindakbalas yang sama ke atas dua risiko yang jauh berbeza tentunya tidak akan dapat membendung ancamannya secara berkesan. Memerangi keduanya dengan kekuatan senjata dan pendekatan bercorak ketenteraan dan pemantauan konstabulari semata-mata tanpa memperdulikan puncanya di peringkat akar umbi malah boleh menyemarakkan lagi semangat kedua-dua kumpulan ini dan meningkatkan ancaman keselamatan maritim.

Tidak lama selepas peristiwa 11 September, sebuah kuasa besar mendakwa yang Asia Tenggara bakal menjadi front baru dalam apa yang dicapnya sebagai perang global menentang keganasan. Kuasa besar ini malah dengan lantang mencadangkan yang ia akan tidak teragak-agak untuk memantau keselamatan di perairan Selat Melaka seandainya pada perkiraan mereka yang negara-negara pesisir tidak berupaya untuk menjamin keselamatan perkapalan di laluan penting itu.





Negara-negara pesisir tentunya lega yang hasrat 'pembuli' itu untuk campur tangan di wilayah ini tidak diteruskannya. Bukan sahaja kehadiran kuasa asing di sini tidak dapat menjanjikan keselamatan di rantau ini, ia malah bakal menggugat integriti kewilayahan negara-negara berdaulat di kawasan ini dan menjana aktiviti yang boleh mengancam keselamatan kita. Keghairahan pendekatan 'melawan api dengan api' boleh menyalakan sumbu kemarahan kumpulan-kumpulan tertentu di rantau sebelah sini yang tidak akan berdiam diri dengan kehadiran kuasa asing. Kumpulan-kumpulan ini akan terdorong untuk 'mengajar' kuasa asing dek keangkuhannya menunjukkan kekuasaan tentera lautnya di rantau ini. Hasrat kuasa asing ini untuk 'menolong' kita menjaga ketenteraman di perairan kita akan sebaliknya membuka medan keganasan baru di wilayah ini.

Sebagai sebuah negara pesisir perairan yang strategik seperti Selat Melaka, Malaysia harus mengawasi permainan licik pihak tertentu yang beria-ia mengembangkan teori ujudnya jalinan di antara terrorisme dan pelanunan yang bertujuan untuk disesuaikan dengan agenda geo-politik mereka. Strategi ini dilihat sesuai dengan perencanaan kuasa besar yang disebutkan terdahulu yang gah berperanan sebagai 'polis global' yang dasar luarnya digubal berdasarkan objektif 'mengatasi ancaman keganasan' yang sangat dhaif hujahnya. Kita perlu sentiasa peka dan siaga mempertahankan keselamatan di perairan kita supaya tidak memberi ruang sekecil manapun kepada kuasa asing untuk campur tangan di rantau ini dengan persepsi terhadap keselamatan maritim yang sangat mengelirukan dan penuh helah.

Sudah sampai masanya yang debat mengenai keganasan dan pelanunan ditangani secara ilmiah, bukan berdasarkan emosi dan dipandu oleh agenda matriks keselamatan pasca-11 September semata-mata. Ini penting supaya strategi yang tepat boleh dirangka dan tindakbalas yang sesuai boleh diperkenalkan bagi menangani kedua-dua ancaman yang serius ini. Namun, penyelesaian jangka panjang bagi menghapuskan punca keganasan dan pelanunan di peringkat akar umbi harus disesuaikan dengan situasi tertentu.

Bagi menumpukan ancaman pelanunan, tumpuan khusus dan berterusan diperlukan bagi menangani

permasalahan sosio-ekonomi dan ketidakstabilan politik yang menghasilkan ancaman ini. Walaubagaimanapun, wajar diperakui yang wujudnya sindiket jenayah terancang yang menjalankan kegiatan lanun di perairan rantau ini. Bagi kumpulan sebegini, penyelesaian ekonomi semata-mata tidak akan mengurangkan aktiviti mereka berdasarkan potensi pulangan lumayan dari aktiviti menyamun kapal bagi mendapatkan kargo serta menawan anak kapal bagi mendapatkan wang tebusan. Namun, dengan bantuan yang diberikan kepada negara-negara pesisir di perairan di mana ancaman lanun wujud, usaha seperti menubuhkan Agensi Keselamatan Maritim dan memperkasakan kapasiti dan kebolehan agensi keselamatan boleh mengurangkan aktiviti sindiket tersebut serta mengendurkan ancaman pelanunan.

Membendung ancaman keganasan merupakan satu tugas yang lebih mencabar kerana ia melibatkan pelbagai isu sensitif dan rumit seperti ideologi politik, fahaman agama, integriti kewilayahan dan dasar luar. Memutuskan sumber kewangan yang digunakan oleh kumpulan pengganas untuk membiayai aktiviti mereka hanya berkesan dalam tempoh jangka pendek sahaja. Apa yang lebih penting ialah memberikan bantuan kepada negara-negara yang menghadapi ancaman terrorisme dari kumpulan-kumpulan yang tegar dengan cara meningkatkan keupayaan risik dan pencegahan oleh agensi-agensi keselamatan yang berkenaan. Tidak kurang mustahak ialah memberikan ruang bagi kumpulan-kumpulan ini untuk menyuarakan pandangan dan mengamalkan ideologi mereka selagi ia tidak mengancam keselamatan negara.

Jelas yang menangani keganasan dan pelanunan menuntut pendekatan 'mencegah lebih baik dari mengubati'. Punca ancaman ini berlaku harus dikenalpasti supaya ia dibendung di peringkat akar umbinya, bukan sekadar bertindakbalas terhadapnya bila ia berlaku. **S**

*Pendapat yang diutarakan ialah pandangan peribadi pengarang semata-mata dan tidak mewakili pandangan rasmi MIMA. Pengarang mengalu-alukan maklumbalas pembaca dan beliau boleh dihubungi di e-mel **nazery@mima.gov.my***





'Laksamana Bob Thana'

Kekal Di Ingatan THE NAVY PEOPLE

Oleh: **Qairin Nasali** Foto: **Arkib PR Mk TL**

Laksamana Muda Tan Sri K. Thanabalasingam (Bersara) telah berjaya memahat kecemerlangan bersama sejarah kemerdekaan Malaysia apabila anak watan pertama dilantik menjadi Panglima Tentera Laut. Ini merupakan penghormatan yang sukar diperolehi memandangkan tanggungjawab yang digalas bagi mengetuai perkhidmatan Tentera Laut Malaysia ketika itu merupakan sesuatu yang unggul di dalam sejarah ketenteraan Negara dan diisi oleh pegawai tentera laut dari British atau Australia.

Sebagai Panglima Tentera Laut, beliau telah menetapkan misi dan visi untuk TLDM melangkah ke hadapan. Antaranya ialah peningkatan keupayaan TLDM seperti perolehan beberapa jenis kapal dan sistem persenjataan serta inisiatif untuk menubuhkan pangkalan-pangkalan baru. Kesemua ini merupakan visi awal serta hala tuju beliau untuk TLDM.

Sepanjang perkhidmatan beliau di bawah pemerintahan Allahyarham Tun Abdul Razak (Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan ketika itu), beliau mempunyai hubungan baik serta menerima nasihat secara peribadi dan pengetahuan yang amat eksklusif mengenai pimpinan agenda Malaysia tersebut. Hubungan profesional mereka berdua bukan sahaja telah memanfaatkan TLDM malah telah memperluaskan lagi pengaruh TLDM.

Menyingkap kembali ucapan beliau sempena Upacara Perbarisan Perpisahan pada 9 Disember 1976, beliau telah menekankan bahawa Malaysia merupakan sebuah negara maritim dan seharusnya mempunyai angkatan laut yang kredibel bagi mengimbangi kepentingan dan keselamatan perairan negara.

"Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk mempertahankan hak dan kepentingan negara ini kerana sebagai bangsa yang merdeka dan berdaulat, kita tidak seharusnya bergantung kepada orang lain untuk terus hidup. Pada fikiran saya, terdapat tiga kawasan yang berkepentingan mengikut susunan iaitu di permukaan, udara dan bawah permukaan.

Perlu diingatkan bahawa kapal kita dilengkapi dengan peralatan senjata meriam moden jarak sederhana dan dekat serta mempunyai keupayaan misil yang sangat efektif. Ini dapat dibuktikan melalui kejayaan penembakan misil Exocet jarak sederhana yang tepat mengena sasaran di bawah anjungan kapal dan menenggelamkannya di perairan Laut China Selatan pada 23 September 1976," jelas Laksamana Muda Tan Sri K. Thanabalasingam.

Tan Sri Thana sentiasa berusaha dengan gigih supaya perolehan TLDM dicapai dan beliau sering menekankan agar pihak kerajaan seharusnya perlu menimbang untuk memberi beberapa buah kapal selam yang bukan sahaja bertindak sebagai memenuhi keperluan asas malah ianya juga diperlukan bagi tujuan latihan di dalam peperangan anti kapal selam yang bakal digunakan dalam jangka masa yang panjang.

Tambahnya lagi, "pemergian saya dari perkhidmatan TLDM adalah selepas Rancangan Malaysia Ke-3 diluluskan. Ini merupakan kali pertama TLDM bakal menerima peruntukan yang besar dalam memperolehi aset armada yang seimbang di samping sokongan fasiliti yang baik di pangkalan. Sebahagian dari peruntukan tersebut akan digunakan untuk membeli kapal dan peralatan yang bersesuaian dengan keperluan TLDM manakala selebihnya akan diperuntukkan untuk dua pangkalan TLDM di Lumut dan yang kini

dalam proses pembinaan dan sedang berjalan dengan lancar. Allyarham Tun Abdul Razak ketika menjadi Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan sentiasa menekankan pembikinan pangkalan TLDM di Semenanjung Malaysia dan turut menunjukkan minat dalam pembangunan kedua-dua projek tersebut".

Usaha yang dilakukan oleh Tan Sri Thana tidak hanya kepada persediaan kemudahan asas malah beliau juga turut berhasrat untuk mengadakan prasarana lain seperti masjid, pejabat pos, sekolah rendah, tadika, kedai dan pasar. Semua kemudahan ini dibina bagi memudahkan keluarga warga TLDM menjalani kehidupan seharian terutamanya bagi para isteri tatkala suami bertugas di laut. Ternyata pada hari ini, pangkalan-pangkalan TLDM mempunyai infrastruktur yang lengkap dan warganya dapat menikmati kemudahan serta nmengecapai kesejahteraan sejagat.

Diakhir ucapannya, Tan Sri Thana turut menyatakan bahawa masa hadapan TLDM amat cerah. Warga TLDM perlu mempunyai capability, efficiency dan effectiveness untuk mengoperasi serta menyelenggarakan peralatan canggih yang dimiliki kelak.

Selama berkhidmat Tan Sri Thana atau lebih mesra dikenali sebagai Laksamana Bob Thana memiliki keperibadian yang amat disegani oleh seluruh warga TLDM. Perpisahan persaraan beliau amat dirasai oleh seluruh warga TLDM pada waktu itu. Hampir separuh dari kehidupannya diabadikan bersama perkhidmatan TLDM. Beliau turut melahirkan rasa terharu kepada mereka yang sentiasa memberi galakan dan sokongan yang tidak pernah berbelah bahagi sepanjang tempoh berkhidmat dan sehinggalah beliau memegang tampuk pemerintahan tertinggi sebagai Panglima Tentera Laut.

Sehingga ke hari ini, keprihatinan beliau terhadap perkembangan TLDM masih belum pudar dan kedatangan beliau di pangkalan-pangkalan TLDM sentiasa dinantikan oleh seluruh *Thwwe Navy People*. **S**



Tan Sri K. Thanabalasingam bergambar kenangan bersama Dato' Sri Abdul Aziz & Datin Sri Sarah



Kejayaan Misi Pelayaran KLD TUNAS SAMUDERA Mengelilingi Dunia Harumkan Nama Negara

Oleh: Lt Kdr Masliza bt Maaris TLDM Foto: Arkib PR Mk TL

KAPAL LAYAR DIRAJA (KLD) TUNAS SAMUDERA telah berjaya mengelilingi dunia selama 410 hari dan pulang ke KD SULTAN ABDUL AZIZ SHAH, Pangkalan Pulau Indah, Pelabuhan Klang pada 26 April 2008. Upacara sambutan tersebut telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Al Haj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah AlHaj selaku Kepten Yang Dipertua TLDM dalam satu istiadat gilang gemilang dengan penuh tradisi tentera laut.

Kejayaan KLD TUNAS SAMUDERA merentasi Lautan Hindi, Lautan Pasifik dan Lautan Atlantik dalam mengibar Jalur Gemilang di 25 buah pelabuhan di seluruh dunia akan menjadi inspirasi kepada seluruh rakyat Malaysia dengan berbekalkan semangat 'Malaysia Boleh'.

Sultan Sharafudin dalam titahnya bersyukur dengan kepulangan KLD TUNAS SAMUDERA yang telah bertepatan dengan Sambutan Hari TLDM ke-74. "Beta percaya hasil pengalaman yang dilalui ini akan diabadikan di dalam sejarah TLDM. Beta amat berpuas hati dengan segala usaha pemimpin TLDM di dalam menentukan kelancaran pelayaran ulung ini. Beta berharap ia akan menjadi pemangkin kepada masyarakat untuk menyemai minat dan memupuk budaya maritim di dalam kehidupan terutama sekali di kalangan generasi muda," titah baginda yang pernah belayar mengelilingi dunia secara solo dengan kapal S. Y. Jugra sebelum ini.

Dua set krew telah ditugaskan dalam misi tersebut krew pertama telah singgah di 12 pelabuhan di 11 negara manakala krew kedua telah singgah di 13 pelabuhan di 12 negara.

Pelayaran krew pertama (dari Pelabuhan Klang sehingga ke



“Beta amat berpuas hati dengan segala usaha pemimpin TLDM di dalam menentukan kelancaran pelayaran ulung ini.”



Cherbourg, Perancis), dianggotai oleh 47 krew termasuk dua pegawai wanita TLDM. Manakala krew kedua (dari Cherbourg, Perancis ke Pelabuhan Klang) dianggotai oleh 42 krew termasuk dua pegawai wanita TLDM. Keseluruhan jarak pelayaran menjangkau 32,690 batu nautika.

“Saya telah berjanji dengan dengan ahli keluarga krew KLD TUNAS SAMUDERA untuk menjaga keselamatan mereka. Alhamdulillah berkat doa keluarga dan rakyat Malaysia kami semua telah berlayar pulang dengan selamat, ucap Kdr Kamaruddin bin Omar TLDM Pegawai Memerintah ketiga ketika ditemui setiba di Pelabuhan Klang. Ketika ditanya apakah dugaan yang paling mencabar selain memastikan keselamatan krew dan kapal, beliau berkata. Bagi saya, perkara yang paling mencabar sebagai Pegawai Memerintah ialah mengekalkan semangat motivasi yang tinggi kepada krew setiap masa.

“Berada di tengah laut, dalam keadaan ruang kapal yang cukup sederhana, dengan rutin harian yang sama, perkara kecil sekalipun jika tidak kena tempat dan gaya, boleh menimbulkan sengketa. Namun saya bersyukur kerana mempunyai krew yang berdisiplin tinggi, bertolak ansur serta komited terhadap kerja masing-masing. Menyaksikan bagaimana mereka berkerja keras untuk memenuhi misi pelayaran, saya selaku Pegawai Memerintah cukup bangga dengan prestasi dan sikap professional yang ditunjukkan.”

Menurut Lt Suziana binti Samin TLDM, salah seorang pegawai wanita yang mengikuti pelayaran tersebut, “beliau bersyukur dan berterima kasih kepada pucuk pimpinan TLDM kerana memberi peluang pegawai wanita mengikuti pelayaran itu. “Sebagai seorang wanita, saya tidak mengalami sebarang masalah sepanjang pelayaran. Saya menjalani latihan dan rutin seharian sepertimana krew lelaki yang lain. Alhamdulillah segala cabaran kami tangani secara bersama sebagai satu keluarga. Setiap tugas yang dilaksanakan, kami mencuba untuk memberikan yang terbaik,” sambung beliau lagi.

Di sebalik kejayaan mengelilingi dunia itu, TLDM juga mencatat sejarah setelah mengharumkan nama negara di dalam pertandingan kapal layar bertaraf antarabangsa iaitu Tall Ships' Races 2008 di Lautan Baltik dengan menduduki tempat

ke-13 dalam kelas A. Penyertaan pertama negara itu begitu membanggakan apabila beroleh tempat ke-63 keseluruhan dari 115 kapal yang menyertai pertandingan tersebut.

Penyertaan KLD TUNAS SAMUDERA di dalam Tall Ships' Races 07 telah diiktiraf oleh Sail Training International (STI) selaku penganjur dan dianugerahkan piala The Best New Comer dan piala Seamen Come From Afar. KLD TUNAS SAMUDERA merupakan satu-satunya wakil negara Asia yang mendapat pengiktirafan tersebut. Peristiwa ini pastinya mengukir nama TLDM sebagai salah satu Global Player di dalam acara pelayaran antarabangsa.

Bagi Pegawai Memerintah pertama, Kept Rusli bin Idrus TLDM berkata “Bagi kami krew KLD TUNAS SAMUDERA, peluang menyertai Tall Ships' Races 07 telah kami digunakan sebaik mungkin bukan sahaja sebagai peserta namun kami sedikit sebanyak telah mempelajari tatacara penganjuran dan pengurusan pertandingan pelayaran antarabangsa”.

Melalui program ini jelas terbukti TLDM telah berjaya melahirkan krew kapal layar TLDM yang berpegalaman dalam mengharungi misi mengelilingi dunia di masa hadapan. Disamping itu juga, TLDM dapat menguji dan membuktikan keberkesanan sistem logistik TLDM dalam memberi bantuan kapal-kapal TLDM di seluruh dunia.

Kejayaan misi KLD TUNAS SAMUDERA mengelilingi dunia bermula pada 12 Mac 2007 dan tamat secara rasminya pada 27 April 2008 di Pangkalan TLDM Lumut. Kejayaan secara tidak langsung dapat menyemai budaya maritim di kalangan generasi muda terutama di dalam bidang pelayaran sesuai dengan Malaysia sebagai sebuah negara maritim. S



FAKTA MENARIK SEPANJANG PELAYARAN

1. Pelabuhan yang disinggahi oleh KLD Tunas Samudera


SIRI (A)	PELABUHAN (B)	NEGARA (C)
1.	PERLABUHAN KLANG	MALAYSIA
2.	COLOMBO	SRI LANKA
3.	MUMBAI	INDIA
4.	ADEN	YEMEN
5.	JEDDAH	ARAB SAUDI
6.	PORT FOUAD	EGYPT
7.	CARTAGENA	SEPANYOL
8.	BREST	PERANCIS
9.	STOCKHOLM	SWEDEN
10.	SZCZECIN	POLAND
11.	ROTTERDAM	NETHERLAND
12.	CHERBOURG	PERANCIS
13.	CASABLANCA	MOROCCO
14.	DAKAR	SENEGAL
15.	FORTALEZA	BRAZIL
16.	PORT OF SPAIN	TRINIDAD & TOBAGO
17.	PORT OF BALBOA	PANAMA
18.	ACAPULCO	MEXICO
19.	LONG BEACH	AMERIKA SYARIKAT
20.	PEARL HARBOR	AMERIKA SYARIKAT
21.	PORT LONDON	KIRIBATI
22.	SUVA	FIJI
23.	PORT VILA	VANUATU
24.	PORT MORESBY	PAPUA NEW GUINEA
25.	DARWIN	AUSTRALIA
26.	SURABAYA	INDONESIA
27.	PERLABUHAN KLANG	MALAYSIA

2. Senarai Pegawai Memerintah

- Kdr Ameir Azmi bin Kamalul Ariffin TLDM
(Pelabuhan Klang ke Port Fouad, Egypt)
- Kept Rusli bin Idrus TLDM
(Port Fouad, Egypt ke Pelabuhan Long Beach, Amerika Syarikat)
- Kdr Kamaruddin bin Omar TLDM
(Pelabuhan Long Beach, Amerika Syarikat ke Pelabuhan Klang)

- Empat kali melintasi melintasi Garisan Khatulistiwa.
 - Dakar ke Fortaleza.
 - Fortaleza ke Port of Spain.
 - Christmas Island ke Suva.
 - Surabaya ke Pelabuhan Klang.
- Majoriti kedua-dua set krew terdiri daripada Pegawai Muda TLDM dan pertukaran krew dilakukan di Cherbourg, Perancis.
- Kapal TLDM pertama melakukan sidang video bersama-sama lima tetamu kenamaan semasa LIMA 07.
 - DYMM SPB Yang di-Pertuan Agong.
 - DYMM Sultan Selangor.
 - TYT Negeri Sarawak.
 - DYMM Sultan Kelantan.
 - TYT Pulau Pinang.
- Lt Kdr Faizatul Shima bte Harun TLDM dan Lt Siti Nor Mawar bte Abd Rahman TLDM merupakan Pegawai Wanita pertama TLDM menyertai *The Tall Ships' Races*.
- Lt Suziana bte Samin TLDM dan Lt Zurina bte Mohd Amin TLDM merupakan Pegawai Wanita pertama menyertai pelayaran merentasi Lautan Pasifik.
- Kapal telah melalui:
 - Lapan Laut (Laut Arab, Laut Merah, Laut Mediterranean, Laut Utara, Laut Baltik, Laut Coral, Laut Jawa dan Laut Bali)
 - Tiga Lautan (Lautan Hindi, Lautan Atlantik dan Lautan Pasifik)
 - Tiga Terusan (Terusan Suez, Terusan Kiel dan Terusan Panama)
- Rekod terlaju undersail iaitu semasa di dalam penyertaan *The Tall Ship's Races* di Lautan Baltik selaju 9.4 batu nautika sejam dengan kelajuan angin 27 batu nautika sejam.
- Kapal TLDM yang pertama telah diberi sambutan Naval Gun Salute semasa memasuki Pelabuhan Long Beach, Amerika Syarikat.

Discovering
new horizons
Inventing
new solutions



Indigenous products

by Malaysians...
for the world

- Unmanned Aerial Vehicle
- Network Centric Warfare
- Battlefield Management System

Your thinking company Let us think together and together we will find the solution

System Consultancy Group of Companies



System Consultancy Services
Sdn Bhd



Prestigious
Discovery Sdn Bhd



Digital Aura (M)
Sdn Bhd



IBS Technology
Sdn Bhd



DK Composites
Sdn Bhd

www.systemconsultancy.com.my

System Consultancy Services Sdn Bhd (219906-U)

36, Jalan 1/27F, Pusat Bandar Wangsa Maju (KLSC), 53300 Kuala Lumpur, MALAYSIA.

Tel: 603-4149 1919 Fax: 603-4149 2121 Email: scshq@pc.iaring.my





PEOPLE

 **Navy** 





SAMBUTAN HARI TERBUKA ARMADA

Oleh: **Aboy PR FOC RMN**

Hari Terbuka Armada yang diadakan pada 26 dan 27 April sempena Sambutan Hari TLDM yang ke-74 baru-baru ini mendapat sambutan meriah dan berjaya menggamit hampir 230,000 orang pengunjung dari seluruh negara.

Orang ramai yang tidak melepaskan peluang untuk mendekati TLDM, mula berpusu-pusu membanjiri tapak Hari Terbuka Armada di Jeti Operasi, Pangkalan TLDM Lumut seawal jam 7.30 pagi hingga 11 malam.

Pengunjung berpeluang melawat kapal-kapal TLDM yang dibuka untuk lawatan sepanjang dua hari tersebut dan dapat berinteraksi secara lebih dekat dengan warga TLDM khususnya warga kapal.

Selain kapal-kapal TLDM, konsep 'terbuka' ini juga telah memberi peluang kepada orang ramai untuk lebih mengenali dan mendekati TLDM secara lebih intim melalui aset lain Armada dan Udara serta pameran dari unit-unit seperti Pasukan Khas Laut (PASKAL), KD DUYONG, Pasukan Pertahanan Udara (PPU) dan lain-lain.

Berbagai acara menarik seperti aksi penerjunan bebas dan demonstrasi rampasan kapal oleh PASKAL, pertunjukan formasi udara oleh pasukan udara turut disajikan kepada pengunjung yang hadir pada hari tersebut.

Selain daripada itu, gerai-gerai jualan, pameran dan permainan turut dibuka untuk memeriahkan suasana Hari Terbuka tersebut.

Secara keseluruhan, acara dwitahunan ini dilihat berjaya sebagai salah satu sumber pendekatan positif dalam memberi pemahaman kepada orang ramai mengenai peranan TLDM khususnya ARMADA TLDM dalam menjaga perairan negara.


Perasmian Hari Terbuka Armada telah disempurnakan oleh Panglima Tentera Laut, Yang Berbahagia Laksamana Dato' Sri Abdul Aziz bin Haji Jaafar. **S**



Perbincangan PTL dengan ahli-ahli di seminar.

YBhg Dato' Sri Abdul Aziz berucap di seminar

SEMINAR MARITIME SECURITY & DEFENCE (MS&D) DI HAMBURG GERMANY



Kerajaan Jerman dengan kerjasama Naval Forces Ltd telah menganjurkan seminar maritim antarabangsa Maritime Security & Defense (MS&D) dari 23 hingga 25 September 2008 di Hamburg, Germany. Seminar tersebut telah dihadiri oleh ahli akademik, politik, pegawai kanan tentera serta saudagar peralatan ketenteraan dari seluruh dunia. Penganjur telah turut menjemput YBhg Dato' Sri Abdul Aziz Bin Hj Jaafar, Panglima Tentera Laut untuk menyampaikan persembahan bertajuk *South East Asia: Can the Battle Against Armed Robbery be Won?* di seminar tersebut.

Kehadiran PTL telah dimanfaatkan sepenuhnya untuk menjelaskan kepada komuniti maritim antarabangsa mengenai keadaan sebenar serta tahap keselamatan di Selat Melaka menjurus kepada isu ancaman rompakan di laut. Beliau seterusnya telah berkongsi pengalaman Malaysia secara umum dan TLDM secara khusus, dalam mengatasi ancaman tersebut. Penjelasan terperinci juga telah diberikan tentang langkah-langkah pencegahan serta pembendungan aktiviti pelanunan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia secara *unilateral*, dan kerjasama dengan negara-negara pesisir pantai yang lain. PTL turut

menegaskan bahawa Selat Melaka kini selamat digunakan malah kejayaan memerangi ancaman tersebut boleh dicontohi oleh negara-negara pesisir di perairan lain dunia, yang menghadapi masalah serupa.

Sesungguhnya, penerangan oleh PTL di seminar tersebut telah menjadi '*eye opener*' terhadap usaha-usaha yang dilakukan oleh negara pesisir Selat Melaka, terutamanya Malaysia dan seterusnya telah berjaya mengubah tanggapan negatif komuniti maritim antarabangsa terhadap tahap keselamatan di Selat Melaka. Selain dari itu, kejayaan menghapuskan ancaman tersebut turut membuktikan bahawa walaupun negara pesisir mempunyai aset penguatkuasaan yang terhad, usahasama dan komitmen yang tinggi telah dapat mengatasi cabaran yang begitu besar. Satu perkara pokok yang amat positif hasil dari persembahan tersebut adalah pendedahan yang diberikan terhadap sumbangan yang besar dari negara kita Malaysia dalam menangani isu-isu keselamatan serantau terutamanya di Selat Melaka, yang selama ini tidak diketahui oleh masyarakat antarabangsa.

Rombongan PTL turut disertai oleh Pengarah Rancang Mk TL, Kept Sabri bin Zali TLDM. **S**

EX BELANGKAS

Pertingkat Interoperabiliti TD/TLDM



Oleh: **Abey PR FOC RMN**

Ekseksais BELANGKAS 24/2008 berjaya mempertingkatkan interoperabiliti di antara Tentera Darat (TD) dan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dalam perancangan dan pelaksanaan operasi amfibi. Latihan bersama antara TD dan TLDM ini telah dilaksanakan mulai 21 hingga 27 Jun lalu dan merupakan Latihan Medan Bersama Trup yang dilaksanakan dalam bentuk operasi amfibi dengan memberi tumpuan kepada latihan embarkasi, peperangan maritim dan evolusi di laut serta pendaratan taktikal.

ia melibatkan penggunaan aset TLDM seperti KD SRI INDERAPURA, KD LEKIR, KD LAKSAMANA TAN PUSMAH, KTD SOTONG, Helikopter Super Lynx, 2 x CB 90 dan 1 x Tim Penyelam KD DUYONG manakala Kumpulan 9 RAMD Para terdiri daripada 1 x Sek Tim Tinjau 9 RAMD, 1 x Komp 9 RAMD, 1 x Det Rear Link RSD Para dan 1 x Sek Skn RAJD Para.

Ekseksais yang melibatkan sekitar Pangkalan TLDM Lumut, Perairan Selat Melaka Utara dan Pulau Langkawi ini dilaksanakan dalam tiga fasa. Fasa 1 iaitu Fasa Pelabuhan yang merangkumi latihan embarkasi, persiapan tempur, pentadbiran, acara sukan persahabatan dan upacara pembukaan. Fasa 2 iaitu Fasa Laut dan Pendaratan merangkumi

peperangan maritim dan evolusi di laut serta pendaratan taktikal. Fasa 3 pula merupakan Fasa Penutup yang meliputi Taklimat Selesai Ekseksais oleh Pegawai Pengendali Ekseksais (OCE) dan Ketua Tim Penilai. Upacara Penutup di PUSTAKMAR disempurnakan oleh Panglima 10 Briged Para, Kolonel Hassan Gaya Abdullah.


Ekseksais tahunan ini bertujuan melatih pemerintah dan staf dalam perancangan dan pelaksanaan operasi amfibi selain menguji keberkesanan hubungan komunikasi antara TD dan TLDM serta menilai dan mengkaji semula draf Prosedur Tetap Operasi (SOP) untuk diguna pakai sebagai panduan dalam pelaksanaan ekseksais.

S





KENAL PASTI - TEKINAN DARAH TINGGI -



Oleh: **LT KDR AZWANIZAM BIN ABU BAKAR TLDM**
B.SC (HONS) PSYCHOLOGY IUM PS2 DISIPLIN, KESIHATAN DAN KAUNSELING

Tekanan darah tinggi atau hipertensi memberi gambaran di mana tekanan darah terhadap dinding arteri. Jantung menghasilkan tekanan bilamana ia mengepam darah keseluruh badan. Tekanan darah dapat diukur dengan menggunakan alat yang dipanggil sphygmomanometer. Terdapat dua bacaan dalam pengukuran tekanan darah iaitu BP 140/90 mmHg. Nilai tinggi (140) dipanggil tekanan darah sistolik dan nilai rendah (90) pula ialah tekanan darah diastolik. Tekanan darah sistolik ialah tekanan darah dalam arteri (salur darah) bila jantung mengepam darah. Manakala tekanan darah diastolik pula ialah tekanan darah dalam arteri bila jantung berhenti mengepam di antara dua denyutan. Hipertensi atau darah tinggi merupakan di antara penyakit yang dialami di kalangan golongan dewasa di pertengahan umur dan warga tua di Malaysia. Ia lebih banyak dialami oleh lelaki berbanding wanita.

TANDA-TANDA

Penyakit tekanan darah tinggi biasanya tidak menunjukkan tanda-tanda awal, sebaliknya akan mendatangkan komplikasi.

KOMPLIKASI

- Angin ahmar (stroke).
- Serangan jantung.
- Kegagalan jantung di mana pengepaman jantung menjadi lemah.
- Kegagalan buah pinggang.

SEBAB

95% kes terjadinya penyakit ini adalah tidak diketahui. Terdapat beberapa faktor yang boleh meningkatkan risiko mendapat penyakit ini:

- Usia. Kebanyakan arteri akan menjadi kaku bila usia meningkat di mana ini akan meningkatkan halangan aliran darah dan mengakibatkan tekanan lebih tinggi.

- Keturunan.
- Degupan jantung bertambah, sentiasa berdebar-debar
- Jantina. Lelaki lebih ramai menghidapinya berbanding wanita.
- Merokok.
- Pengambilan berlebihan alkohol, garam. Kegemukan, kurang senaman.
- Stres yang berlebihan.
- Kencing manis (*Diabetes*).
- Penyakit buah pinggang.
- Penyakit adrenal.
- Kesan pengambilan ubat-ubatan seperti ubat pencegah kehamilan.

LANGKAH YANG PERLU ANDA AMBIL

- Berhenti merokok.
- Kurangkan atau berhenti mengambil alkohol.
- Kurangkan pengambilan garam.
- Bersenamlah selalu.
- Kurangkan stres atau tekanan.
- Jika anda menerima rawatan bagi penyakit tekanan darah tinggi, sila ambil ubat-ubat tersebut mengikut peraturan dan jangan berhenti tanpa merujuk kepada doktor.
- Jika anda telah disahkan menghidap penyakit darah tinggi selalulah berjumpa doktor. Mengawal tekanan darah anda akan dapat mencegah terjadinya komplikasi.

PETUA MENCEGAH

- Jika terdapat ahli keluarga anda menghidap darah tinggi atau usia anda melebihi 30 tahun, periksa selalu tekanan darah anda.
- Jangan merokok.
- Jauhi alkohol.
- Makan makanan rendah lemak dan rendah garam.
- Lakukan senaman selalu, terutamanya aerobik, menu.
- Elakkan tekanan atau belajar bagaimana mengendalikannya.
- Mengekalkan berat badan yang normal lagi sihat. **S**



Lawatan Ulung Datin Seri Jeanne

- Membawa Seribu Kenangan -

Oleh: **Abey PR FOC RMN** Foto: **PR MTL/KEMANTAN**

Isteri Perdana Menteri Malaysia, Datin Seri Jeanne Abdullah telah membuat kunjungan rasmi ke Pangkalan TLDM Lumut bersempena Kempen Hari Pahlawan 2008 pada 16 Ogos lalu.

Beliau yang turut ditemani Panglima Tentera Laut, Laksamana Dato' Sri Abdul Aziz Hj Jaafar dan isteri, Datin Sarah Tun Abdul Ghafar serta Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan Hospital Angkatan Tentera (HAT), Leftenan Jeneral Datuk Dr Sulaiman Abdullah telah mengunjungi 47 pesakit di wad lelaki, perempuan dan kanak-kanak termasuk beberapa pesakit daripada bekas tentera yang menerima rawatan di Hospital Angkatan Tentera Lumut (96 HAT) sambil menghulurkan sumbangan berupa hamper dan wang.

Selain itu, beliau turut berkesempatan melawat ke Institut Perawatan Bawah Air Hyperbarik yang terdapat di hospital tersebut.

Bersempena kempen tersebut juga, Datin Seri





Jeanne turut meluangkan masa bersama Kanak-kanak Istimewa dan Kurang Upaya di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK). Mereka terdiri daripada anak-anak warga TLDM yang berpangkalan di Lumut.



Kunjungan kira-kira sejam itu digunakan beliau untuk beramah mesra dengan kanak-kanak di pusat tersebut selain memberikan sumbangan. Istimewanya, Datin Seri Jeanne turut menanam sebatang pokok yang dikenali 'weeping willow', iaitu pokok yang tidak berbuah, tidak berbungaan dan tidak dihinggap serangga, sesuai dengan persekitaran dan lokasi bagi memperindahkan lagi pemandangan di taman permainan tersebut.



Wanita Nombor Satu Negara itu yang juga penaung kempen Hari Pahlawan 2008 turut mengagih-agihkan 'Bunga Raya' kepada setiap formasi sebagai simbolik rayuan derma bagi mengisi tabung Hari Pahlawan 2008. Tabung tersebut akan digunakan bagi membantu balu dan anak bekas anggota tentera yang kehilangan tempat bergantung dan sebagai tanda keprihatinan terhadap nasib bekas tentera yang telah berjasa kepada negara.


Dalam lawatan tersebut, beliau turut diiringi Badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera (BAKAT), SRIKANDI dan BAKTI. **S**



Kegembiraan warga PPPK terpancar dengan kehadiran Datin Seri Jeanne Abdullah.

FRIGET HALIMUNAN RSN

Oleh: Lt Hilmi bin Mohammad TLOM



Setelah lebih 30 tahun, kapal-kapal atau bot peluru berpandu kelas Sea Wolf Tentera Laut Singapura atau RSN bakal mula digantikan dengan kapal frigat Program Delta atau dikenali sebagai kapal kelas Formidable.

Program Delta telah mula diketengahkan bagi mencari sejenis platform atau kapal frigat yang dianggap bersesuaian bagi menggantikan kapal atau bot peluru berpandu kelas Sea Wolf yang dilihat bakal mencapai tahap pengoperasian maksima menjelang 2009. Salah satu perkara yang dianggap kritikal kepada program tersebut ialah jenis dan rekabentuk kapal harus menepati senario peperangan atau konflik maritim akan datang. Ini termasuk sistem elektronik dan penerima yang bersesuaian, kerangka kapal haruslah memiliki sifat halimunan dan sistem persenjataan pula mampu menangkis ancaman udara dengan pantas dan efektif. Pada Mac 2002, kerajaan Singapura telah menganugerahkan program tersebut kepada firma Direction des Constructions Navales atau DCN, sebuah firma maritim gergasi di Perancis. DCN dipertanggungjawabkan bagi mereka bentuk dan membina kapal tersebut sepenuhnya di Limbungan Lorient, Brittany, Perancis. Keseluruhan program akan dipantau secara teliti oleh agensi DSTA (Defense Science and Technology Agency) yang turut bertindak sebagai pihak bertanggungjawab untuk menguruskan Program Delta.

Kapal pertama dari kelas ini, RSS Formidable dengan nombor pengenalan 68 telah dilancarkan secara rasmi pada 7 Januari 2004 dan kapal tersebut berjaya menjalani pelayaran pulang ke Singapura setelah melalui ujian getir pertamanya dari Eropah melepasi Tanjung Pengharapan di Afrika Selatan dan tiba di Kota Singa pada awal bulan Julai

2005, merangkumi jarak perjalanan 11,880 batu nautika. Tiga buah lagi kapal frigat halimunan juga telah ditauliahkan pada 5 Februari 2008 iaitu RSS Intrepid (69), RSS Steadfast (70) dan RSS Tenacious (71) manakala 2 buah lagi iaitu RSS Stalwart (72) dan RSS Supreme (73) sedang dibina dan dilihat memenuhi sasaran tempoh masa kerjanya.

LATAR BELAKANG FRIGAT KELAS LA FAYETTE

Kapal Program Delta ini sebenarnya adalah merupakan kesinambungan dari kapal frigat halimunan pelbagai fungsi kelas La Fayette yang telah dibina bagi kegunaan Tentera Laut Perancis. Kapal perintis La Fayette telah ditauliahkan dalam perkhidmatan Tentera Laut Perancis pada tahun 1996 dan dikategorikan sebagai halimunan atau stealth frigates kerana kemampuannya untuk mengelakkan diri dengan mudah dari dapat dikesan oleh sistem radar kapal permukaan mahupun pesawat udara. Bahagian kerangka frigat ini dibina sebegitu rupa agar tidak mempunyai sifat fizikal yang bersudut tepat bagi mengurangkan pantulan dari pancaran radar pengesan yang cuba mencari kedudukannya dengan tepat. Bagi menambah keberkesanan, sistem rekabentuk halimunan ini juga dibina dengan sebahagian besar panel dindingnya diperbuat dari bahan yang dikategorikan sebagai RAM (Radar Absorbent Material) iaitu satu bahan komposit yang diperbuat dari campuran kayu dan gentian kaca yang diproses menjadikan ia mempunyai kekuatan struktur yang setanding dengan besi namun lebih ringan dan kalis pembakaran. Sehingga kini terdapat tiga buah negara yang mengguna atau bakal menggunakan kapal kelas La Fayette ini iaitu Arab Saudi, Taiwan dan Singapura.

KAPAL KELAS FORMIDABLE

Program Delta Tentera Laut Singapura menghasilkan kapal kelas La Fayette yang mempunyai saiz lebih kecil berbanding kapal milik Perancis. Berbeza dengan kapal-kapal lain di rantau ini dan disebabkan kemajuan teknologi yang lebih ke hadapan, sistem pengurusan tempur kapal kelas Formidable adalah satu sistem yang dibina khusus oleh agensi DSTA dan ST Electronics, iaitu dua agensi yang dipertanggungjawabkan oleh kerajaan Singapura untuk membangunkan sistem-sistem pertahanan berteknologi tinggi. Konsol atau paparan kawalan dan arahan di bahagian bilik operasi kapal serta sistem komunikasi bersepadu kapal dibekalkan oleh ST Engineering. Kapal ini mempunyai sistem automasi yang tinggi membolehkan jumlah krew mengoperasikan kapal dikurangkan kepada 70 anggota sahaja. Penjana kapal dilakukan dengan empat enjin diesel dari jenis MTU 20V 8000 dengan setiap enjin menghasilkan kuasa 8,200 kW. Kelajuan maksima kapal adalah 27 knots dan jangkauan operasi kapal mencecah hingga 3,890 batu nautika.

Kapal ini dilengkapi dengan sistem peluru berpandu Harpoon sebagai senjata utama permukaan ke permukaan dengan jarak operasinya menjangkau 130 km dengan dipacu oleh sistem radar aktif. Bagi operasi anti-udara, kapal dilengkapi dengan sistem pelancaran menegak DCN Sylver yang menggunakan sistem peluru berpandu Aster 15. Terdapat empat pelancar Sylver dengan setiap pelancar mempunyai lapan tiub peluru menjadikan jumlah peluru berpandu yang siap untuk dilancarkan ketika operasi mencecah 32 buah. Bagi tujuan menangkis ancaman peluru berpandu, jarak operasi Aster 15 adalah 15 km maksima, namun bagi ancaman pesawat udara sama ada yang dipandu atau pesawat tanpa pemandu, Aster mampu memusnahkannya dari jarak 30 km.

Operasi anti-kapal selam pula dilakukan dengan sistem solar tunda jenis EDO Model 980 ALOFTS yang berfungsi menggunakan frekuensi rendah untuk mengesan dan mengklasifikasikan kapal selam yang terdapat di sesuatu kawasan. Untuk memusnahkan kapal selam musuh, kapal dipasangkan dengan dua sistem tiub pelancar torpedo Eurotorp A244S dengan setiap sistem mempunyai tiga tiub pelancar. Kapal-kapal kelas Formidable mempunyai kemampuan untuk menerima helikopter dalam kelas berat

sehingga 10 tan di geladak penerbangannya. Pada Januari 2005 Singapura mengikut jejak langkah Taiwan dengan memilih helikopter dari jenis Sikorsky S-70B sebagai pesawat yang beroperasi dari geladak Formidable dengan penghantaran dijangka dibuat antara tahun 2008 hingga 2010.

Nadi kepada keupayaan operasi Formidable mungkin terletak pada sistem radar pelbagai fungsi Herakles yang dibekalkan oleh firma Thales. Radar ini adalah merupakan radar bersifat pasif dan merupakan radar pengesanan tiga dimensi bertujuan melaksanakan tugas pengawasan dan pencarian serta kawalan tembakan bagi sistem persenjataan. Sistem ini diintegrasikan dengan sistem peluru berpandu Aster 15. Bagi tujuan pencarian di permukaan dan navigasi, sistem radar Terma Scanner digunakan. Tentunya kapal yang bakal menerajui pertahanan maritim Singapura mempunyai sistem sokongan dan peperangan elektronik yang ke hadapan. Sistem pemintasan pancaran radar adalah sistem radar Rafael C-PEARL-M buatan Israel yang digunakan bagi tujuan mengesan secara automatik, mengukur bentuk data yang dipintas serta mengenalpasti apakah ia satu ancaman kepada kapal. Dua sistem pelancar suar dan pengumpan elektronik terkini dari Dagaie dipasang yang mempunyai 12 sistem pengumpan infra-merah, radar dan akustik.

Perolehan yang dilakukan oleh Singapura adalah satu evolusi yang memang sepatutnya telah lama dilaksanakan. Menyusuri hal ini tentunya program siri kedua frigate TLDM bakal dinantikan dengan penuh minat oleh pemerhati ketenteraan. Ini kerana kedua-dua jiran Malaysia, Indonesia dan Singapura bakal memiliki kapal-kapal baru bagi kegunaan armada laut mereka. Indonesia dijangka akan menerima keseluruhan kapal-kapal korvet kelas Sigmanya menjelang 2009. Kapal-kapal tersebut adalah KRI Diponegoro, KRI Hasanuddin, KRI Sultan Iskandar dan KRI Frans Kaisepo. Ini hampir sama dengan tempoh penerimaan kapal-kapal frigate Formidable milik RSN. Apa yang jelas, dijangkakan kapal siri kedua yang mahu diperolehi oleh TLDM mungkin menjurus kepada jenis kapal yang masih tidak wujud dalam inventori secara khusus. Dilihat keperluan paling menonjol ialah kapal-kapal yang mempunyai bidang tugas khas dan tidak tertumpu kepada kapal pelbagai fungsi seperti yang lazimnya diperolehi pada suatu ketika dahulu. **S**

RSS Formidable (68) dan Indian Navy Frigate Brahmaputra (F-31) di Teluk Bengal semasa Eks Malabar 2007.

Perkongsian Ilmu ke Arah Memartabatkan *The Navy People*

Oleh: **Kepten Chan Peng Cheong TLDM**
MBA (UM) BBA (Hons) (UKM) PG Dip SDS (UM)



Perkongsian ilmu yang berterusan di semua peringkat Navy People perlu dititikberatkan bagi memenuhi wawasan TLDM dalam membentuk sebuah learning organization dan angkatan laut yang berkualiti serta mampu bertindak dalam sebarang keadaan. Bagi mencapai cita-cita tersebut peningkatan ilmu secara menyeluruh dan membudayakan perkongsian ilmu perlu disemai di dalam diri setiap Navy People agar tergolong sebagai masyarakat yang berilmu dan berpengetahuan.

Matlamatnya ialah menjadikan Navy People bukan sahaja pandai menerokai dan mencari maklumat atau mempelajari teori tetapi juga mahir mempraktikkannya dalam pelaksanaan tugas harian. Sebagai contoh setelah mempelajari secara teori perihal bagaimana untuk mengendalikan kapal sewaktu belayar, kita telah memperoleh suatu maklumat yang cukup berguna. Apabila kita belayar secara fizikal ke laut, kita telah menimba dan memiliki ilmu tersebut. Maklumat adalah menarik untuk kita mengetahuinya. Tetapi, sehingga kita mempelajari bagaimana menggunakan maklumat tersebut secara praktikal, ianya bukanlah ilmu. Kebanyakan kita boleh menerangkan secara teori bagaimana untuk mengendalikan kapal di laut. Tetapi apabila menghadapi keadaan laut dan cuaca yang adakalanya tidak menentu, ternyata keadaannya sangat mencabar dan kita seakan-akan kehilangan panduan untuk mengaplikasikan teori tersebut. Contoh ini diharap mampu memberi kesedaran kepada Navy People agar sentiasa meningkatkan kemajuan diri melalui perkongsian ilmu pengetahuan baik yang disediakan melalui kursus dalam perkhidmatan ataupun melalui inisiatif masing-masing. Kepentingan berkongsi ilmu pengetahuan juga akan meningkatkan kesedaran dan kecekapan sekali gus melahirkan Navy People yang lebih baik dan berupaya menjalankan tugas yang sehaluan dengan keperluan perkhidmatan.

Kita boleh mencari, memahami dan menghafal maklumat tetapi sehingga kita mempraktikkan maklumat tersebut, ianya bukanlah suatu ilmu. Selepas dipraktikkan, maklumat tersebut menjadi ilmu dan seterusnya menjadi kuasa. Menurut Orang Barat Knowledge Is Power, iaitu ilmu adalah kuasa dan kekuatan. Ini mungkin menjadikan



sesetengah orang berasa takut dan kedekut untuk berkongsi ilmu dengan orang lain. Mereka percaya "jika saya mengetahui sesuatu yang orang lain tidak tahu, maka saya adalah lebih berkuasa daripada orang lain."

Keengganan seseorang berkongsi ilmu dan idea yang mereka miliki mungkin disebabkan mereka percaya jika dikongsi idea akan menyebabkan kehilangan idea atau idea dcedok dan mereka akan kerugian. Sebaliknya kritikan dan saranan ke atas idea itu, akan mencetuskan anjakan idea yang lebih baik. Ilmu perlu dikongsi baru bercambah. Perkongsian ilmu dapat membantu dan memudahkan pelaksanaan tugas dan memberi kesan positif kepada semua yang terlibat. Sebenarnya, kita akan menjadi lebih kreatif apabila kita berkongsi ilmu dengan orang lain. Ini kerana secara psikologi, ia memaksa otak dan minda kita untuk mencipta idea yang lebih baik daripada idea asal tersebut. Dalam masa yang sama ia juga memaksakan kita mengambil tindakan yang pantas untuk merealisasikan idea tersebut. Dengan hanya menyimpan idea yang kita ada, kita bagaikan ketandusan dan hanya akan menghalang diri kita untuk berkembang menjadi lebih maju. Takut berkongsi ilmu juga akan menyempitkan lagi ilmu yang dimiliki dan membantutkan perkembangan ilmu tersebut untuk mencapai lebih kejayaan.

Berkongsi ilmu dan memberi idea adalah salah satu sumbangan kita kepada organisasi. Jangan kita menjadi sebagai penerima sahaja tanpa mahu memberi. Lebih banyak kita memberi, sebenarnya akan lebih banyak kita menerima. Ilmu yang dikongsi bersama akan bercambah dengan subur di jiwa kita dan juga di jiwa si penerima. Ilmu akan berkembang kalau kita warwarkan dan pandangan orang lain akan membantu mengembangkan ilmu tersebut. Apabila kita tidak kedekut, sifat pemurah ini akan menjadikan orang lain juga tidak kedekut dengan kita. Idea adalah sesuatu yang tidak berharga dan ianya hanya bernilai apabila kita bertindak ke atas idea tersebut. Diperhatikan ramai di kalangan Navy People yang pemurah dan sedia untuk mengembangkan idea mereka untuk menjadi sesuatu yang bermakna. Kita boleh mempraktikkan konsep idea pemetaan. Dengan mengaplikasikan konsep ini, kita dapat mengembangkan idea tersebut melalui pelbagai cara dan akhirnya akan mendapat satu idea yang kreatif, inovatif dan menarik.

Berkongsi ilmu tidak boleh dipaksa. Sebagai pemilik ilmu, mereka mempunyai kuasa untuk memutuskan kepada siapa mereka akan berkongsi ilmu. Sebenarnya adalah diperhatikan bahawa seseorang sentiasa berasa adanya keperluan untuk belajar dan berkongsi ilmu dengan orang lain dalam keadaan di mana ianya dapat membantu mereka melaksanakan kerja-kerja mereka dengan lebih efisien dan efektif. Ini sudah tentu akan berlaku dalam situasi di mana berkongsi ilmu menyumbang kepada penambahbaikan amalan harian dan proses pembelajaran individu. Untuk menggalakkan perkongsian ilmu di kalangan Navy People, peluang perlu diwujudkan untuk mereka berjumpa dan berinteraksi samada secara formal atau tidak formal. Berikan mereka masa untuk menjalin hubungan yang rapat dan saling mempercayai di samping mempelajari kekuatan dan



kelemahan sesama mereka demi membentuk semangat kerjasama yang jitu.

Kita mesti membuat orang berasa selamat dan dihormati dalam menggalakkan mereka berkongsi idea dan pengalaman yang mereka miliki dengan terbuka dan ikhlas. Navy People yang berusia muda akan berasa takut bahawa idea mereka akan memberi impak yang negatif dan tidak menganggapnya sebagai sesuatu yang berguna. Kita seharusnya cuba untuk menghapuskan sebarang kekangan yang melibatkan pengaliran idea. Apabila seseorang itu bertanyakan soalan yang dianggap "bodoh" oleh orang lain, mencabar status quo dan menawarkan cadangan serta idea, maka wujudlah perkongsian ilmu melalui satu proses yang kreatif.

Halangan lain yang kita hadapi dalam usaha berkongsi ilmu adalah pengabaian. Kita mungkin tidak sedar bahawa sesuatu yang kita tahu adalah sangat berguna kepada orang lain dalam organisasi yang sama. Sekiranya kita mempelajari sesuatu semasa ekseseis dan latihan di laut, apa yang kita pelajari akan membantu mereka yang terlibat dengan ekseseis dan latihan yang lain di masa depan. Kita mesti membiasakan diri dengan mendokumenkan pemerhatian dan pengalaman serta ilmu yang dikecapi agar mudah dirujuk oleh orang lain. Pengabaian mungkin juga disebabkan kita tidak menyedari bahawa orang lain juga memiliki ilmu yang kita perlukan, siapa pemiliknya dan bagaimana untuk mendapatkannya. Kita perlu mewujudkan satu anjakan paradigma yang baru di mana kedua-dua pemberi dan penerima ilmu akan sama-sama mencapai kepuasan dan keuntungan. Ini sememangnya merupakan satu cabaran dalam organisasi yang besar seperti TLDM.

Setiap kali apabila kapal balik dari belayar untuk sesuatu ekseseis dan latihan, semua peringkat anggota seharusnya mencari peluang untuk berjumpa sesama rakan sepejuangan di kapal yang lain untuk sama-sama berkongsi ilmu, maklumat, pengetahuan, pengalaman malahan apa jua perkara-perkara yang boleh membawa kepada penambahbaikan di masa hadapan. Sesi sedemikian boleh dilakukan samada secara formal atau tidak formal sesuai dengan keadaan semasa. Apabila kita berkongsi ilmu dengan sesiapa sahaja, perbuatan menyampaikan ilmu tersebut akan membuka minda kita kepada lebih banyak ilmu lagi. Ia akan menjadikan kita lebih berfikir kreatif dalam memperbaiki ilmu yang sedia ada pada kita. Ini kerana masing-masing ada kelebihan dan kekurangan, oleh sebab itu perlunya tolong menolong dan saling melengkapi antara satu sama lain. Salah satu cara yang amat berkesan ialah berkongsi ilmu pengetahuan dan sudah pasti akan mendapat imbuhan yang berlipat kali ganda.

Pertingkatkan perhubungan di antara Navy People akan membantu dalam perkongsian ilmu yang lebih berkesan. Ini boleh dilakukan dengan mengumpulkan mereka secara tidak formal untuk membincangkan hal-hal kegemaran mereka. Sebagai contoh, semasa sarapan pagi, makan tengahari dan happy hour untuk bertukar-tukar idea dan berkongsi ilmu. Seminar Pegawai Memerintah adalah satu platform untuk berinteraksi di mana semua PM berkumpul dalam suasana yang relax untuk berkongsi pengalaman, idea, membincangkan pengajaran dan memberikan taklimat ringkas. Ini juga merupakan satu peluang yang baik untuk semua PM mengenali sesama mereka dengan lebih mendalam memandangkan kebiasaannya mereka adalah terlalu sibuk dengan program kapal sendiri dan tidak

berkesempatan untuk berhubung dengan rakan sepejuangan yang lain yang turut menghadapi cabaran dan masalah yang sama. Ia juga memberi stimuli kepada pemikiran kita untuk mengetahui apa sebenarnya yang kita masih belum mengetahuinya.

Ilmu itu ibarat setitis air di tengah lautan. Biar bagaimana banyakpun ilmu yang kita rasa telah kita dapat, sebenarnya ada terlalu banyak lagi yang belum kita tahu. Apatah lagi jika kita membicarakan tentang ilmu di alam internet. Lebih banyak yang kita terokai, lebih banyak lagi yang kita belum temui. Dengan berkongsi ilmu dengan orang lain, kita akan mudah untuk meneroka ilmu yang baru pula. Belajar dengan orang lain akan mengwujudkan kekuatan tambahan dalam merapatkan jurang ilmu di antara kita yang sudah tentunya akan memberi impak yang positif. Kita mesti menghindari perasaan takut dan malu sekiranya kita melakukan kesilapan yang menjadi punca sesuatu kegagalan. Kita seharusnya berkongsi pengalaman dan ilmu kita untuk mengelakkan orang lain melakukan kesilapan yang sama.



Kurangnya kepercayaan merupakan punca keengganan seseorang untuk berkongsi ilmu secara percuma dengan orang lain. Apabila kita tidak suka kepada seseorang itu, maka timbullah ketidakpercayaan kita kepadanya. Kita akan berasa enggan untuk berkongsi ilmu dengannya kerana takut dia akan menggunakan ilmu dan idea yang dikongsikan untuk mengancam dan memalukan kita dalam konteks yang negatif. Sesungguhnya ketidakpercayaan juga akan mengakibatkan keengganan kita untuk mendengar, mempercayai dan menggunakan ilmu yang diberikan kepada kita. Salah satu contoh dalam konteks ini adalah apabila seseorang mendapatkan pandangan alternative atau second opinion daripada orang lain disebabkan mereka kurang mempercayai maklumat yang diberikan oleh orang pertama.

Perkongsian ilmu memerlukan suatu mekanisme yang efisien dan efektif bagi memantapkan keutuhan pengurusan dan pentadbiran sesebuah unit. Pertukaran anggota secara tidak langsung mengakibatkan kehilangan ilmu dalam sesebuah organisasi dan memberi impak yang besar dalam kecekapan operasi harian unit tersebut. Daya maju dan daya saing akan menurun dan merosot dengan pertukaran keluar anggota senior yang gagal menurunkan ilmu kepada penggantinya dengan berkesan. Perkongsian ilmu yang efektif dapat mengurus penjaan dan aplikasi ilmu dengan baik kerana ia merupakan satu elemen yang penting untuk Navy People terus maju dan berdaya saing. Dengan mengintegrasikan perkongsian ilmu di dalam pelaksanaan aktiviti harian, produktiviti akan mampu ditingkatkan, proses membuat keputusan dapat dicepatkan dan masa akan dapat digunakan dengan lebih efektif.

Secara keseluruhannya adalah tidak rugi seandainya kita berkongsi apa yang kita tahu kepada orang yang memerlukan kerana perkongsian ilmu tidak akan menyebabkan kita jatuh miskin. Sesungguhnya, usaha untuk mempertingkatkan perkongsian ilmu di kalangan Navy People memerlukan satu pendekatan yang holistik dan sepadu. Mungkin sudah tiba masanya kita mengubah "ilmu adalah kuasa" menjadi "berkongsi ilmu adalah kuasa." Berkongsilah ilmu dan idea yang baik dengan selkhas hati. Semoga tujuan murni kita berkongsi ilmu ke arah memartabatkan Navy People akan sentiasa diberkati. **S**



PERSATUAN PESARA PEGAWAI TENTERA LAUT MALAYSIA (RETIRED MALAYSIAN NAVAL OFFICERS ASSOCIATION)



Pegawai-pegawai Kadet BRNC bergambar kenangan pada tahun 1955

Impian bagi menubuhkan satu persatuan bertujuan untuk mengeratkan silaturahim dan semangat setia kawan antara bekas pegawai Tentera Laut Malaysia telah bermula beberapa tahun kebelakangan ini. Walaupun beberapa percubaan telah diusahakan oleh pihak-pihak tertentu, tetapi ianya tidak berjaya dilaksanakan.

Berikutnya, satu jawatankuasa protem di ketuai oleh Laksda Dato' Yaacob (Bersara) telah ditubuhkan pada 19 Oktober 2005 dan hasilnya ialah penubuhan persatuan 'Alumni BRNC Malaysia' pada 15 Ogos 2006 setelah mendapat kelulusan dari Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia.

Mesyuarat Ulung Penubuhan BRNC Alumni telah diadakan di Dewan Kelab Golf Angkatan Tentera pada 18 Mac 2007, dihadiri oleh 53 pesara dan pegawai TLDM. Di mesyuarat yang bersejarah ini, Laksamana Tan Sri Dato' Sri Abu Bakar bin Abdul Jamal (Bersara) telah dilantik untuk menerajui AJK Alumni BRNC Malaysia sehingga hari ini.

Pada 6 Ogos 2008, nama persatuan ini telah ditukar kepada Persatuan Pesara Pegawai Tentera Laut Malaysia atau Retired Malaysian Naval Officers Association (RMNOA). Pindaan nama berserta perlembagaan dibuat bertujuan bagi membolehkan persatuan ini memainkan peranan yang lebih penting dan relevan kepada Negara, TLDM dan ahli-ahli persatuan di samping membuka peluang kepada semua pegawai TLDM yang bersara menjadi ahli biasa/ahli seumur hidup. Diharapkan, melalui pertukaran tersebut, bilangan ahli yang kini hanya 88 orang akan bertambah di masa-masa mendatang.

Borang permohonan untuk menjadi ahli boleh diperolehi dari:

Sekretariat RMNOA
KD SRI GOMBAK
Jalan Padang Tembak
50634 Kuala Lumpur

Tel : 03 20712903
Faks : 03 26938407
E-mel : rmnoa2008@gmail.com

COMMITTEE MEMBERS

Patrons	Dato' Sri Abdul Aziz bin Hj Jaafar Tan Sri Dato' K. Thanabalasingam
President	Admiral Tan Sri Abu Bakar bin Abdul Jamal (Retired)
Deputy President	Rear Admiral Dato' Yaacob bin Haji Daud (Retired)
Honorary Secretary	Captain Ir. Rani bin Mohd Raji RMN (Retired)
Honorary Treasurer	Commander Lim Ewe Chye RMN (Retired)
Committee Members	First Admiral Dato' Noor Azman bin Othman (retired) Captain Kamaluddin bin Singah RMN (Retired) Mr Wan Azfar bin Wan Annuar Captain Dato' Lee Kwang Lock RMN



Laksamana (B) Tan Sri Abu Bakar bin Abdul Jamal selaku Presiden bergambar bersama ahli-ahli jawatankuasa RMNOA

Auditors

Honorary Advisors

RMN Representative Captain Wah Yuen Mei RMN

Lieutenant Commander Mohd Yasin bin Hamzah RMN (Retired)
Lieutenant Commander Phua Hean Sin RMN (Retired)
First Admiral Dato' Mohd Ramli Samjris (Retired)
Lieutenant Commander Shauki Hashimi bin Basir (Retired)
Vice Admiral Tan Sri Abdul Wahab bin Nawi RMN (Retired)
Captain Khoo Tee Chuan RMN (Retired)



Impian Penubuhan RMNOA terlaksana akhirnya



Silaturrahim dan semangat setia kawan dikekalkan hingga ke akhir masa

RETIRED MALAYSIAN NAVAL OFFICERS ASSOCIATION (RMNOA)

VISION

We strive to be an effective, relevant and a respected partner of the Royal Malaysian Navy.

MISSION

The Organization aims to serve and support the country, the Royal Malaysian Navy and its members.

- By furthering the highest standard of the Royal Malaysian Navy.
- By initiating and sponsoring activities which perpetuate the traditions, customs, interests and growth of the naval service.
- By creating programmes and providing services towards the welfare and well-being of its members and members of the Royal Malaysian Navy.
- By enhancing networking and fostering comradeship through social, recreational and sports programmes.
- By seeking the Royal Malaysian Navy's hospitalities and the usage of facilities such as the Wardroom, accommodation, recreational and sports within the naval bases to its members.
- By helping and advising members, their spouses, widows and dependents that are in need or distress of any kind through the Organization's charitable bureau.

- By promoting initiatives and imperatives in the best interest of country, the Royal Malaysian Navy and the Organization from time to time.

MEMBERSHIP

Ordinary and Life Membership

Open to all retired commissioned officers the Royal Malaysian Navy. Life membership may be granted to any member who pays a lump sum of RM500.00 to the Association.

Ordinary and Life members may hold office, vote or call for general or extraordinary meetings in accordance with the rule of the Association.

Associate Members

Open to all serving officers of the Royal Malaysian Navy.

Open to all serving and retired officers the Royal Malaysian Volunteer Reserve Service (RMNVR) and officers of other navies who have served or been seconded to the Royal Malaysian Navy.

Associate members shall not participate in the management of the Association, but they may however attend all meetings but not cast votes in the election of office bearers.

Honorary Members

Individuals who in the opinion of the Executive Committee have contributed immensely to the Royal Malaysian Navy or the Association, and the widow or widower of members are eligible to be Honorary Members. **S**

ADDRESS

Its registered place of business shall be:

KD SRI GOMBAK
Jalan Padang Tembak
50634 Kuala Lumpur

Tel : 03 20712903
Fax : 03 26938407
E-mail : rmnoa2008@gmail.com



Nostalgia.....Kem KHATIB, Sembawang, Singapura



HAYATI 'SEDIA BERKORBAN': KOD ETIKA ATM TERAS PERJUANGAN

Oleh: **Kareem Mozlan**

PARA pegawai Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) perlu menghayati maksud "Sedia Berkorban" dan kod etika Angkatan Tentera Malaysia (ATM) hendaklah dijadikan teras perjuangan di dalam mempertahankan kedaulatan Malaysia.

"Sebagai seorang pegawai terlatih, saudara boleh menjadi model kepada masyarakat dan generasi muda lain. Saudara boleh menjadi contoh kepada mereka bagaimana latihan serta corak disiplin yang tinggi boleh membentuk sikap yang baik, hormat-menghormati serta boleh berjaya mengharungi segala cabaran," titah Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj ketika berucap sempena Istiadat Perbarisan Diraja Pegawai Tauliah Jangka Pendek (TJP) Pengambilan ke-56 dan Graduan ke-17 di Padang Kawad KD PELANDOK, Pangkalan TLDM Lumut 28 Jun baru-baru ini.

Di dalam titahnya, baginda menyeru semua pegawai TLDM supaya sentiasa mencari ilmu agar ianya sentiasa selari dengan arus pemodenan kini khususnya di dalam konteks ketenteraan.

"Tahap pencapaian akademik dan ilmu ketenteraan perlu ditingkatkan agar ia seimbang untuk mengoperasikan sistem persenjataan yang semakin moden serta memerlukan pengendali

yang berilmu tinggi serta mahir di dalam strategi peperangan.

"Perlu Beta mengingatkan bahawa Tentera Laut sangat kaya dengan tradisi serta gaya hidup tersendiri. Tentera Laut memiliki istilah-istilah atau lebih dikenali dengan naval term. Perkara ini hendaklah disuburkan semula kerana tanpa tradisi, the navy people akan kehilangan identiti yang menjadi kebanggaan para pelaut sejak dahulu," titah baginda lagi.

Menurut baginda lagi, para pegawai kini perlu sentiasa proaktif di dalam menangani apa juga ancaman sama ada konvensional ataupun assimetrik.

"Bagi memenuhi keperluan tersebut pelbagai aset terkini serta sofistikated, sama ada yang telah ada inventori mahupun sedang dalam perolehan hendaklah digunakan sebaiknya untuk memantapkan lagi daya tempur armada TLDM.

"Beta menyeru agar saudara terus belajar untuk memiliki pengetahuan dan kemahiran bagi mengendalikan sistem persenjataan. Peralatan yang canggih tetapi tidak dapat dikendalikan dengan baik akibat kekurangan ilmu kemahiran akan menjejaskan daya tempur armada malah akan menjadi beban serta merugikan TLDM dan Negara," titah baginda lagi.

Selain itu, baginda juga mengingatkan warga TLDM supaya berjimat cermat di dalam perbelanjaan seharian disebabkan



kenaikan harga minyak.

"Beta berharap tuan-tuan akan dapat merancang semula perbelanjaan keluarga dengan tidak melakukan pembaziran dan berbelanja dengan seperlunya agar ekonomi keluarga terus mantap," titah baginda penuh harapan.

Seramai 61 TJP Pengambilan ke-56 dan 5 Graduan Pengambilan ke-17 berjaya menamatkan latihan dan seterusnya layak menerima watikah tauliah.

Sempena perbarisan tersebut, beberapa anugerah telah disampaikan oleh DYMM Sultan Selangor kepada para pegawai yang cemerlang mengikut kategori yang telah ditetapkan iaitu: Pegawai Kadet Kanan (PKK) Terbaik Keseluruhan (PKK Syazrie Abdul Rahman), PKK Terbaik Akademik (PKK Hui Juin Hung) dan Pegawai Graduan Terbaik Keseluruhan (Leftenan Faizul Zabari TLDM). **S**



Perbarisan Tamat Latihan Perajurit Muda (PtM) Pengambilan 201/08: Penyertaan Bukan Bumiputra Digalakkan

Oleh: **Karzi Daniq**

TENTERA Laut Diraja Malaysia (TLDM) amat mengalu-alukan penyertaan kaum bukan Melayu di dalam organisasi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) khususnya di dalam TLDM.

"Buat masa kini penyertaan daripada kaum lain masih lagi kurang dan pihak TLDM amat mengalu-alukan penyertaan daripada semua kaum di dalam menjaga perairan Negara demi negara tercinta," kata Panglima Armada, Laksamana Madya Dato' Ahmad Kamarulzaman Ahmad Badaruddin ketika menyempurnakan Perbarisan Tamat Latihan Perajurit Muda (PtM) Pengambilan 201/08 dan Laskar Kelas (LK) II Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) di Padang Kawad KD SULTAN ISMAIL (KDSI), Tanjung Pengelih Jun lalu.

Menurutnya lagi, penyertaan kaum lain sentiasa dibuka dan diperlukan bagi menjamin keharmonian negara melalui perpaduan kaum.

"Buat masa ini, jumlah non Bumiputra yang menyertai TLDM khususnya amatlah sedikit berbanding Bumiputra. Penyertaan dari kaum lain juga perlu kerana saya percaya semangat patriotik yang ada bukan hanya dimiliki kaum Bumiputra sebaliknya seluruh warganegara Malaysia," kata Kamarulzaman yang percaya ramai Non Bumiputra yang berminat untuk menyertai TLDM tetapi bimbang dengan latihan yang perlu dijalani.

"Latihan yang dijalani kini amat berbeza berbanding dahulu yang mana ATM kini amat menitikberatkan akademik

dan latihan fizikal yang dijalankan juga adalah secara profesional iaitu dengan meletakkan mereka di bawah penyeliaan jurulatih berpengalaman dan bertauliah," tambahnya.

Menurutnya lagi, TLDM amat memerlukan keanggotaan generasi baru yang mempunyai daya pemikiran dan tahap pengetahuan yang tinggi selaras dengan arus perubahan TLDM kini.

"Tidak ada gunanya kita mempunyai keupayaan peralatan yang begitu canggih dan moden tetapi keanggotaannya tidak mempunyai keupayaan untuk mengendalikan peralatan tersebut dengan baik.

"Sebagai sebuah negara maritim, ekonomi negara serta kedaulatan perairan negara kini banyak bergantung kepada keupayaan angkatan laut serta agensi maritim. Dalam usaha menjamin kedaulatan dan keselamatan perairan negara, kerajaan akan terus melaksanakan perancangan untuk meningkatkan keupayaan angkatan laut serta agensi maritim yang lain," katanya lagi.

Sementara itu, seramai 350 PtM (325 lelaki dan 25 wanita) serta 232 LK II APMM (212 lelaki dan 20 wanita) berjaya menamatkan latihan yang telah dijalankan di KDSI selama 17 minggu sejak 6 Februari.

PtM Terbaik Sukan Wanita, Nurul Hasna Abu, 21 berkata, TLDM merupakan kerjaya yang telah diidamkan sejak zaman kanak-kanak lagi. "Saya minat TLDM kerana pakaiannya yang putih, bersih dan tampak segar. Sejak dari sekolah lagi saya telah menyimpan hasrat untuk menyertai TLDM dan saya berasa lega



KAMARULZAMAN... penyertaan kaum non bumiputra masih lagi kurang di dalam TLDM.

kini kerana telah berjaya menamatkan latihan ketenteraan dan diterima masuk TLDM," kata Nurul penuh kegembiraan.

PtM Terbaik Keseluruhan, Nor Karami Abdul Rahman, 23 berpendapat kerjaya TLDM amat murni kerana pengorbanan diri bagi menjaga kedaulatan Negara.

"Kerjaya ini amat murni dan mulia dan saya amat bersyukur kerana dipilih menyertai TLDM dan berazam untuk terus berjaya di dalam kerjaya ini," kata Karami yang telah mendapat sokongan padu daripada ayahnya.

Cecilia Chong, 48, ibu kepada LK II APMM, Jeysilen Gana Segaran ketika ditemui amat gembira ke atas kejayaan anaknya menamatkan latihan dan terpilih menjalani kerjaya di dalam APMM.

"Saya berasa amat berbangga dan sentiasa menyokong Jeysilen untuk terus berjaya di dalam APMM. Walaupun tidak ramai kaum bukan Bumiputra yang menyertainya, tapi saya bersyukur kerana anak saya antara yang bertuah dipilih menyertai APMM," kata Cecilia terharu.

Majlis yang penuh meriah ini turut dihadiri Panglima Pendidikan dan Latihan TLDM, Laksamana Muda Musa Omar, Pegawai Memerintah (PM) KDSI, Kepten Yaakub Husin TLDM, Pegawai-pegawai Memerintah, Para Pegawai Kanan dan keluarga yang terbabit. **S**



NURUL... kerjaya diidamkan sejak zaman kanak-kanak lagi.



NOR KARAMI... kerjaya TLDM amat murni.



CECILIA... berbangga dan sentiasa menyokong.

Pusat Kepimpinan TLDM: Tiga Tahun Meniti Cabaran Merealisasikan Impian

Oleh: Lt Kdr Abu Yazid bin Hj Abu Bakar TLDM MED
Counseling (UKM) BA Psychology (Michigan)
Pegawai Staf Psikologi, Pusat Kepimpinan TLDM

Tanggal 22 Feb 2008, genaplah tiga tahun kewujudan Pusat Kepimpinan TLDM setelah majlis pelancarannya disempurnakan oleh mantan Panglima Angkatan Tentera, Yang Berbahagia Laksamana (B) Tan Sri Anwar Mohd Nor pada tarikh tersebut, tiga tahun yang lalu. Selain daripada menyambut ulang tahun pengoperasiannya yang ketiga, apakah lagi signifikannya tarikh 22 Feb tersebut kepada warga Pusat ini khasnya, dan organisasi besar TLDM amnya? Secara keseluruhan, setelah tiga tahun menongkah arus untuk membuktikan bahawa kewujudannya adalah relevan dan turut menyumbang terhadap kecemerlangan organisasi, keberkesanan Pusat ini merealisasikan matlamat penubuhannya perlu dan harus diukur melalui keupayaannya menyempurnakan tiga aktiviti utama berikut:

A. Peningkatan Prasarana ~ Usaha-usaha meningkatkan taraf prasarana bangunan D3 (yang telah diwartakan sebagai blok operasi Pusat ini sehingga pembinaan bangunan baru direalisasikan) pesat dilaksanakan walaupun wujud pelbagai kekangan dalam bentuk kekurangan peruntukan kewangan, kelewatan proses perolehan kelulusan kerja, dan sebagainya. Segala kekangan dianggap sebagai cabaran oleh seluruh warga kerja Pusat ini dan hasilnya, dalam tempoh lebih kurang 6 bulan sahaja, segala kemudahan prasarana asas seperti tandas dan bilik rehat, infrastruktur pembelajaran seperti mini auditorium, dewan serbaguna dan bilik-bilik kuliah, serta kelengkapan pejabat-pejabat telah dipertingkatkan keselesaiannya ke tahap yang boleh dibanggakan.


B. Kertas Cadangan Perjawatan (KCP) ~ Pengiktirafan organisasi TLDM terhadap kewujudan Pusat ini sebagai unit keempat di bawah naungan Markas Pendidikan



dan Latihan TLDM sememangnya telah diperakui. Namun, ketiadaan perjawatan yang sah menjadi halangan yang seringkali membantutkan segala perancangan Pusat ini untuk bergerak maju ke hadapan. Justeru, setelah menjalankan kajian perbandingan terhadap struktur organisasi beberapa institusi latihan kepimpinan ketenteraan

asing (antaranya, US Navy Center for Naval Leadership, Canadian Forces Leadership Institute, dan Singapore Armed Forces Centre of Leadership Development), Kertas Cadangan Perjawatan (KCP) Pusat ini telah disiapkan seterusnya dimajukan untuk pertimbangan pihak pengurusan tertinggi pada 17 Jan 08. KCP ini ditulis berteraskan konsep perfungsi menyeluruh Pusat ini sebagai think tank TLDM pada masa hadapan, di mana cadangan pengisian perjawatan-perjawatannya diuruskan ke arah keperluan academic/qualification driven berbanding pengisian berasaskan pangkat ataupun tret kepakaran. Mungkin ada sesetengah pihak yang akan beranggapan bahawa penstrukturan KCP ini kelihatan agak *ambitious*, tetapi hakikatnya, untuk memperkasakan hala tuju masa hadapan Pusat ini sejajar objektif asal penubuhannya, struktur organisasi seperti tertera di Gambarajah A adalah dinilai sebagai yang

Gambarajah A
– Struktur Organisasi
(Cadangan) Pusat
Kepimpinan TLDM





paling realistik untuk dicadangkan (selaras dengan kajian perbandingan yang telah dilaksanakan).

C. Pelaksanaan Kursus dan Program ~

Secara beransur-ansur, keupayaan Pusat ini melaksanakan kursus dan program (samaada secara dalaman mahupun melalui pendekatan outsourcing) telah mula diiktiraf oleh semua pihak. Di samping terus mengendalikan modul kepimpinan bagi 25 siri kursus Laskar Kanan 'Q' dan 25 siri kursus Bintara Muda 'Q', Pusat ini turut dipertanggungjawabkan oleh Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Markas Tentera Laut untuk melaksanakan 36 siri kursus dan program peningkatan modal insan bagi tahun 2008. Kepercayaan melaksanakan sejumlah kursus dan program yang telah didaftar di dalam Rancangan Latihan (RALA) 2008 ini – tidak termasuk bilangan program-program yang akan dilaksana berdasarkan permintaan pelanggan; sebagai contoh, program jati diri dengan sekolah dan institusi pendidikan lain – melambangkan pengiktirafan terhadap usaha-usaha Pusat ini memperkasa tahap kepimpinan warga TLDM di semua peringkat. Beberapa modul baru juga telah dibangunkan bagi tujuan ini termasuklah modul Sistem Bahagian TLDM (bagi Pegawai dan Bintara), modul Pengurusan Integriti, Program Pembangunan Keluarga dan sebagainya. Walaupun keperluan mengendalikan sekurang-kurangnya tiga kursus atau program sebulan ini menuntut komitmen yang sangat tinggi daripada setiap warga kerja Pusat ini, ianya tetap akan disahut dengan tekad untuk membuktikan bahawa ianya bukanlah suatu cabaran yang mustahil.

Sememangnya sukar untuk memacu operasi sesebuah unit tanpa sebarang arah atau hala tuju jelas yang digariskan pihak pengurusan. Namun, Pusat ini di bawah teraju kepimpinan Pengarahnya yang ketiga, Pemangku Kepten Jamel bin Abd Rahman

TLDM, telah berusaha sedaya mungkin untuk menterjemahkan cetusan pemikiran dan wawasan kepimpinan TLDM dalam mewujudkan institusi latihan kepimpinan ketenteraan yang kredibel dan disegani. Usaha-usaha untuk menjalin hubungan kerjasama dengan beberapa organisasi think tank negara seperti Institut Integriti Malaysia (IIM) dan Yayasan Kepimpinan Perdana (YKP) merupakan antara langkah awal ke arah mencapai objektif tersebut. Di samping itu, kehadiran peserta dari cabang perkhidmatan Tentera Darat dan Tentera Udara Diraja Malaysia dalam kursus-kursus anjuran Pusat ini, permohonan untuk menghantar peserta ke kursus-kursus anjuran Pusat ini oleh Markas Angkatan Bersama (MAB), pernyataan hasrat secara lisan untuk turut menyertai kursus dan program anjuran Pusat ini oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), dan permohonan untuk melakukan lawatan kerja ke Pusat ini oleh Markas Pendidikan Tentera Udara Diraja Malaysia merupakan beberapa indikasi pengiktirafan awal yang telah diberikan kepada kredibiliti dan keupayaan operasi Pusat ini.

Justeru, langkah yang telah dirintis dalam tempoh tiga tahun ini memerlukan sokongan pelbagai pihak untuk menjamin kelangsungan (survival) operasi Pusat ini pada masa hadapan. Sebagai contoh, sementara menanti pertimbangan dan pandangan pihak pengurusan tertinggi terhadap KCP yang telah dimajukan, ketiadaan perjawatan yang diluluskan tidak seharusnya menjadi alasan untuk menyekat perkembangan Pusat ini. Dalam erti kata lain, usaha untuk membantu Pusat ini beroperasi dengan jumlah keanggotaan pegawai, warga kejurulatihan dan staf sokongan yang munasabah perlu diteruskan, agar apa yang telah dicapai dapat ditingkatkan atau sekurang-kurangnya mampu dikekalkan. Asas-asas kepada pengupayaan operasi Pusat Kepimpinan TLDM telah diletakkan dengan sebaik-baiknya. Matlamat

mencapai tahap pengoperasian yang lebih cemerlang pada masa hadapan tetap berada dalam jangkaan dan bukanlah sesuatu yang mustahil untuk direalisasikan. Pusat ini juga telah mengorak langkah untuk menjadi sebuah institusi latihan kepimpinan maritim yang unggul di rantau ini, sejajar dengan objektif penubuhannya. Ia dilihat memiliki potensi yang amat besar untuk berfungsi sebagai enjin penjana barisan kepimpinan masa hadapan yang cemerlang dan berwibawa, untuk TLDM khususnya dan negara Malaysia keseluruhannya. Sejauh mana segala impian dan harapan ini akan terlaksana bergantung kepada komitmen dan penglibatan keseluruhan warga di semua lapisan peringkat organisasi besar TLDM. Dalam erti kata lain, kesinambungan usaha-usaha peningkatan infrastruktur dan imej Pusat ini serta peningkatan tahap pengetahuan warga kejurulatihannya perlu diteruskan agar segala usaha awal yang telah dirintis ini tidak menjadi sia-sia. Berpegang teguh kepada falsafah "journey of a thousand mile begins with the very first step", keseluruhan warga Pusat ini di bawah teraju kepimpinan Pemangku Kepten Jamel bin Abd Rahman TLDM, akan terus komited untuk meniti cabaran merealisasikan gagasan penubuhannya yang telah digariskan tiga tahun lalu. **S**

Biodata Pengarah PK TLDM



Nama: **Kept Jamel bin Abd Rahman**
KAT PNBB PPS PPA MM (UM) psc TLDM
 No. Tentera: **N/401897**
 Tarikh Lahir: **23 April 1963**
 Tempat Lahir: **Ipoh, Perak Darul Ridzuan**
 Tarikh masuk perkhidmatan: **1 Mei 1981**

Perjawatan Pemerintahan :

1. Pegawai Memerintah KD LEDANG (30 Dis 1999 – 13 Apr 2005)
2. Pegawai Memerintah Stesen Komunikasi TLDM Lumut (28 Mei – 12 Nov 06)
3. Pengarah Pusat Kepimpinan TLDM (13 Nov 2006 hingga sekarang)

Misi Dan Visi PK TLDM :

MISI – Menjadi institusi latihan kepimpinan yang kredibel, berdaya saing, serta disegani, bukan sahaja dalam persekitaran organisasi ketenteraan malahan di peringkat kebangsaan dan serantau.

VISI – Bertindak sebagai penjana usaha melahirkan generasi pemimpin berwibawa dan berketerampilan melalui pelaksanaan pelbagai program pengukuhan aspek kepimpinan serta pembangunan modal insan.



BAKAT (L) JOHAN NASYID ATM

Oleh: **Abey PR FOC RMN** Foto: **LK 1 Ayub**

SAUTUN Nasihin dari BAKAT (L) Lumut telah dinobatkan johan di dalam Pertandingan Nasyid antara BAKAT Perkhidmatan dan BAKAT KEMENTAH yang telah diadakan di Auditorium KEMENTAH pada 25 Jun yang lalu.


Berkonsepkan kontemporari, lagu 'Islam Hadhari Menjana Umat Gemilang' dan 'Kembalilah' membawa tuah kepada kumpulan ini. Dianggotai seramai 8 anggota terdiri daripada isteri pegawai dan anggota TLDM yang berpangkalan di Lumut, kumpulan Sautun Nasihin berjaya menambat hati juri dengan persembahan yang berilmu dan bermutu. Tidak keterlaluan jika dikatakan, Sautun Nasihin menjadi pilihan khalayak penonton kerana setiap kali kumpulan ini membuat variasi, pasti akan mendapat tepukan gemuruh. Istimewanya, kumpulan ini benar-benar berjaya menguasai keseluruhan pertandingan melalui penghayatan lagu-lagu yang dipersembahkan.

Lain-lain kumpulan yang bertanding termasuklah Kumpulan Sautun Amin dari BAKAT Udara yang menduduki tempat kedua, As Salsabila dari BAKAT Darat di tempat ketiga dan Al Azwaj dari BAKAT KEMENTAH di tempat keempat. Upacara Penyampaian Hadiah telah disempurnakan oleh isteri Panglima Angkatan Tentera, Dato' Hajah Rositah Hj Mawi.

Agak berbeza daripada tahun-tahun sebelumnya, pertandingan Nasyid tahun ini digabungkan dengan Majlis Tilawah Al-Quran secara serentak. Ini bagi menjimatkan perbelanjaan dan masa dalam mengekang inflasi.

Lebih menarik, majlis ilmu ini turut meraikan 40 kanak-kanak dari Persatuan Kebajikan Anak-anak Pesakit HIV/AIDS Nurul Iman Malaysia atau PERNIM yang dipengerusikan oleh Puan Hajah Norlina Hj Alawi yang juga merupakan Pengasas Pertubuhan PERNIM. **S**





Oleh: **ABOY PR FOC RMN** Foto: **LK 1PBK AZRUL**

BAKAT (L) benar-benar menyengat apabila berjaya menundukkan BAKAT (D) 3-0 dan berjaya menjulang piala pusingan Datin Seri Saadiah Daud sekaligus menjuarai Perlawanan Bola Tampar BAKAT ATM 2008 yang berlangsung pada 3 hingga 5 Jul lalu.

Perlawanan ini menyaksikan pertembungan yang agak berbahang di antara keempat-empat pasukan Badan Kebajikan Keluarga (BAKAT) Darat, Laut dan Udara serta BAKAT Kementerian Pertahanan.

Kehebatan BAKAT (L) membelasah ketiga-tiga pasukan lawan menolak tanggapan mereka hanyalah surirumah! Ini kerana corak dan teknik permainan yang agak berbeza berbanding pasukan lain tidak menggambarkan mereka adalah pemain amatir.

Mungkin dengan latihan yang cukup dan kerap mengadakan

perlawanan persahabatan dengan pasukan Bola Tampar TLDM serta pasukan luar menjadi faktor kemantapan pasukan ini.

Isteri Panglima Angkatan Tentera, Dato' Hjh Rositah Hj Mawi yang menyempurnakan upacara perasmian pembukaan dan penutup kejohanan turut turun padang menyaksikan kejohanan tersebut.

Beliau turut ditemani isteri Panglima Tentera Laut, Datin Sarah Tun Abd Ghaffar, isteri Panglima Tentera Udara, Puan Sri Datin Sri Norainee Abdul Rahim dan beberapa isteri kenamaan lain bagi memberi sokongan kepada pasukan yang bertanding.

Perlawanan tersebut bertujuan bagi menentukan juara Bola Tampar antara BAKAT Perkhidmatan bagi tahun 2008 dan merupakan satu aktiviti berterusan di dalam aktiviti tahunan BAKAT dalam menggalakkan interaksi dan mengeratkan silaturahim di kalangan ahli BAKAT ATM serta memupuk konsep sihat dan cergas di kalangan ahli BAKAT. **S**





Military Communications

Ruling the waves in battlefields

Staying in contact under all circumstances (even at war) across any distance can be vital to survival, and attesting to the importance of the critical environment, Rohde & Schwarz focused on the military with the overpowering necessity to occupy their needs with our highly complex integrated naval communications solutions. As an independent company that is determined to be the standard setter of the mission-critical environments of the world, we further incorporate our innovations to the modern military that requires communications solutions attentive to the forces needs whether at sea, on coast or in the air. We have been proven to be the best possible solution for interoperable communications in network centric warfare scenarios from our close and longstanding relationship within more than 30 navies around the world.

As a pioneer of the security technology, we have extended our global presence by expanding the territory to the map of Malaysia in providing the best solutions for the country's military communications. Rohde & Schwarz

Malaysia (RSMY) is highly motivated in being the only integrated system supplier of Malaysia's armed forces. We are your system for secure voice and data transmission in stationary, mobile units as well as on board ships and aircrafts. We are your ability to defend logistics channels, making you reliable at detecting, analyzing and determining the location of signal emissions or any threats encountering. With RSMY as your integrated naval communications, you are always safe, as your world is our world too.

Rohde & Schwarz Malaysia offers the M3xR Series as your ultimate solution in military communications. This multimode, multiband, and multirole shipborne radios are a family member of HF transceivers of software defined radio. The universal software radios are specifically designed primarily for naval and stationary application as well as Air Traffic Control (ATC) application for today's digital battlefield communication.

Rohde & Schwarz - Pushing Limits

Headquarters:

Lot 2, Jalan Pengaturcara U1/51,
Temasya@Glenmarie, Seksyen U1
40150 Shah Alam, Malaysia
Tel: +603 5569 0011
Fax: +603 5569 0088

Email : info.malaysia@rohde-schwarz.com

Penang Branch:

1-2-29 Krystal Point Corporate Park,
Lebuh Bukit Kecil 6, 11900 Bayan Lepas,
Penang, Malaysia
Tel: +604 641 6868
Fax: +604 641 6888

Email : info.malaysia@rohde-schwarz.com



ROHDE & SCHWARZ
Malaysia Sdn. Bhd.

www.rohde-schwarz.com.my



M3TR



M3AR



XK2000



M3SR



Menerima lencana WOON dari Panglima Tentera Laut

Oleh: Lt Kdr Nur Hidayah Dayana bt Abdullah TLDM

Pegawai Waren TLDM atau lebih dikenali sebagai WOON (Warrant Officer Navy) merupakan jawatan tertinggi yang boleh dikecapi oleh anggota lain-lain pangkat di dalam perkhidmatan TLDM. Selain berfungsi sebagai media perantaraan diantara pihak pemerintahan atasan dengan anggota bawahan, WOON juga bertindak sebagai pemangkin disiplin dan menjadi role model kepada segenap lapisan anggota TLDM setaraf dengan jawatan RSM didalam perkhidmatan Tentera Darat.

Pada tanggal 2 Februari 2007, 814054 PW I KMR Azmi bin Arifin telah dilantik oleh pemerintahan tertinggi TLDM sebagai WOON kedua secara rasminya. Berasal dari Pemas, Negeri Sembilan, Azmi telah menyertai perkhidmatan TLDM pada 01 Okt 85 di dalam kepakaran komunikasi (radio). Sepanjang 23 tahun berkhidmat, beliau telah diperjawatkan di lebih 10 jawatan yang mana kebanyakannya merangkumi Stesen Komunikasi dan perjawatan di kapal. Selain pernah berkhidmat di Regional Border Committee Office Songkhla, beliau juga telah diberi penghormatan untuk berkhidmat di bawah naungan Bendera Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu selama lapan belas bulan bagi Misi PBB (UNMEE) di Ethiopia, Afrika Timur. Di samping itu, beliau turut menyatakan bahawa beliau pernah menjejakkan kaki hampir 20 buah negara asing antaranya New Zealand, Finland, South Afrika, Mesir dan Dubai.

Antara pengalaman yang tidak dapat beliau lupakan adalah semasa menyertai operasi mencari *Sky Hawk* yang terhempas di Pulau Annabas, Indonesia. Operasi mencari telah dijalankan selama 3 minggu berturut-turut untuk mengesan bangkai pesawat dengan sokongan dan bantuan penduduk tempatan, namun masih gagal untuk menemui bangkai pesawat tersebut. Sungguhpun operasi tersebut memakan masa hampir 3 minggu, tahap moral dan pretasi Azmi serta rakan-rakan seperjuangan tetap tinggi sepanjang penugasan. Semasa bertugas di Misi PBB pula, beliau menceritakan bahawa pernah menemui seramai 122 mayat mangsa peperangan semasa mengiringi lawatan operasi bersama Force Commander Britain walaupun peperangan telah berakhir hampir 5 tahun sebelumnya.

Azmi telah berumahtangga dengan gadis pilihannya Puan Azparina binti Kandak pada 11 November 1991 dan telah dikurniakan 3 orang cahayamata. Sepanjang 17 tahun usia perkahwinan, isteri beliau sentiasa memberi sokongan dan semangat untuk meneruskan kerjaya yang telah menjadi pilihan suami. Puan Azparina juga sentiasa memahami tugas suami yang sering berjauhan daripada keluarga ketika bertugas luar atau

WOON Teras Kepimpinan Anggota TLDM



Sewaktu bertugas bagi Misi PBB

melewati waktu kerja atas tuntutan perkhidmatan. Sebaliknya, isteri Azmi memanfaatkan masa terluang dengan menceburi aktiviti BAKAT (L) dan telah dilantik sebagai AJK Perumahan. Ini secara tidak langsung membolehkan Puan Azparina melaksanakan tugas seiring dengan suami di dalam memberi sokongan kepada isteri-isteri anggota LLP supaya menceburi aktiviti-aktiviti kaum ibu di dalam perkhidmatan TLDM.

Bakal bersara pada 07 Oktober 2012, wawasan WOON adalah untuk merealisasikan hasrat beliau agar seluruh warga LLP TLDM berketrampilan, berilmu dan berkeyakinan tinggi dalam melaksanakan tugas seharian sesuai dengan pangkat dan jawatan yang disandang serta sejajar dengan kehendak perkhidmatan. Sehubungan itu juga, jurulatih komunikasi radio ini juga berharap TLDM akan terus kekal menjadi sebuah organisasi yang cemerlang di dalam pelbagai sudut keperluan negara selaras dengan peranannya sebagai salah satu cabang benteng pertahanan utama negara. Pesanan beliau bagi warga LLP:

- melaksanakan tugas dan tanggungjawab sedia ada dengan tulus dan ikhlas agar berupaya menyokong pihak atasan untuk merealisasikan wawasan TLDM.
- sentiasa memberikomitmenyangtinggi kepadatugas-tugasyang diamanahkan sejajar dengan kehendak perkhidmatan.
- sentiasa memimpin dan menjadi pemimpin kepada diri sendiri, keluarga, the navy people dan perkhidmatan TLDM.
- taatsetiakepadaperkhidmatansentiasamerasabanggamenjadi warga the Navy People. **S**



WOON bersama ahli keluarga

Markas Angkatan Bersama (MK AB)

Oleh: Lt Kdr Hazlan bin Hazumi

menentang perjuangan komunis dalam peperangan *counter-insurgency*.



Bentuk peperangan bersama atau joint warfare bukanlah satu doktrin peperangan yang baru bagi ATM. Semenjak penubuhan ATM sehinggalah MK AB ditubuhkan, sebarang operasi yang membabitkan penglibatan 2 atau lebih perkhidmatan akan secara langsung melibatkan penubuhan pasukan petugas bersama

atau *Joint Task Force* yang diketuai oleh seorang Panglima Angkatan Bersama (*Commander Task Force*). Setelah sekian lama perkara ini dilaksanakan, satu kajian telah dibuat dan ATM berpendapat bahawa penubuhan organisasi secara ad hoc yang kemudiannya dibubarkan setelah satu-satu operasi tamat, banyak menimbulkan masalah dari segi kesinambungan dan pertindihan tugas antara Perkhidmatan sehingga boleh menjejaskan pelaksanaan operasi. Pelbagai kelemahan yang ketara seperti perintah dan kawalan, kemampuan dan keberkesanan bertindak, sistem komunikasi mahu pun aspek taktikal telah dikenal pasti.

Selain dari itu, organisasi ad hoc ini juga telah menimbulkan masalah dari segi kurang pengawasan dan koordinasi di antara Perkhidmatan kerana tidak terdapat sebuah markas operasi bersama yang tetap dan dianggotai anggota berpengalaman di dalam mengurus operasi bersama. Bagi mengatasi masalah ini, MK AB secara ad hoc telah dilancarkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia Merangkap Menteri Pertahanan Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak pada 6 September 2004. Namun begitu organisasi secara ad hoc ini telah ditangguhkan sementara

sehinggalah ditubuhkan semula pada 1 Disember 2006. Penubuhan kali ini melibatkan tumpuan mewujudkan keanggotaan yang kekal dan bertugas di sebuah Markas yang tersendiri bagi mengendalikan kawalan operasi bersama sehinggalah perjawatan bagi organisasi MK AB diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam pada 16 Julai 2007.

Penubuhan secara tetap MK AB ini dilihat sebagai satu evolusi dan revolusi ketenteraan dalam era globalisasi kini yang tidak mengenal sempadan terutamanya dalam hal-ehwal ketenteraan yang telah mengubah doktrin, taktik dan teknik peperangan.

MK AB adalah sebuah organisasi di bawah PAT yang merupakan sebuah Markas pemerintahan di peringkat operasional. Markas ini tidak berfungsi sebagai satu Perkhidmatan tersendiri seperti Darat, Laut dan Udara. Oleh yang demikian, penerimaan lain-lain Perkhidmatan di dalam ATM amat menggalakkan dan ini nyata dengan sokongan padu yang diberi dari segi pelaksanaan tugas, sehingga Markas ini dapat berfungsi dengan baik dalam semua operasi dan latihan bersama yang dilaksanakan. Dijangkakan tidak akan berlaku sebarang masalah di dalam talian keakraban di antara Perkhidmatan dan MK AB.

Sebagai sebuah Markas operasional, fungsi utama MK AB adalah untuk merancang dan mengendalikan semua operasi bersama serta menguruskan assigned forces. Setelah dirancang dan dilancarkan, operasi ini akan diperintah dan dikawal oleh Markas ini sehingga tamat.

Bagi mendukung peranan yang





dipertanggungjawab kepada MK AB dalam melaksanakan operasi dan latihan bersama, organisasi MK AB adalah seperti di Gambarajah 1, manakala peranan setiap bahagian adalah seperti berikut:

- Bahagian Bantuan Anggota (J1) berperanan di dalam operasi bersama bagi menguruskan kekuatan, pengagihan anggota dan pentadbiran dari segi aspek individu termasuk disiplin, pembangunan keupayaan staf, moral, kebajikan, keagamaan dan perundangan semasa aman dan perang terhadap staf dan assigned forces di bawah naungan Pemerintahan Angkatan Bersama.

- Bahagian Risik (J2) berperanan untuk mengumpul, memproses dan menyebarkan data perisikan operasional dan perang saraf untuk keperluan dan kegunaan operasi bersama. Ia juga berperanan menasihati Panglima Angkatan Bersama di dalam semua aspek perisikan operasi bersama.

- Bahagian Operasi dan Latihan Bersama (J3) berperanan untuk merancang, mengkoordinasi dan mengendalikan semua operasi dan eksekusi bersama, bersepadu dan gabungan yang melibatkan dua atau lebih perkhidmatan dalam dan luar negara. Ia

juga berperanan untuk menyelaraskan keperluan penglibatan ATM dalam misi PBB.

- Bahagian Operasi Logistik (J4) berperanan untuk menyediakan dan mengkoordinasi semua aspek bantuan logistik untuk mendukung operasi dan eksekusi bersama/gabungan yang dilaksanakan dalam ATM dan dengan angkatan tentera negara sahabat. Bahagian ini juga perlu berhubung rapat dengan Markas Logistik Perkhidmatan dalam mengkoordinasi dan menyediakan keperluan logistik kepada assigned forces yang terlibat dalam operasi dan eksekusi bersama/gabungan.

- Bahagian Rancangan/Kontinjensi (J5) bertanggungjawab kepada Panglima Angkatan Bersama dalam mengubal pelan-pelan kontinjensi pertahanan dan operasi tentera dalam dan luar negara serta menilai keupayaan sebenar operasi ATM. Bahagian ini bertanggungjawab untuk mencadangkan peningkatan keupayaan ATM dan Pemerintahan Angkatan Bersama berdasarkan kepada pelan-pelan kontinjensi dan operasi sebenar melalui MK ATM – Bahagian Perancangan Pertahanan.

- Bahagian Komunikasi dan Elektronik Bersama (J6) berperanan menyediakan semua keperluan kemudahan komunikasi dan elektronik pertahanan untuk pemerintahan dan penugasan operasi dan pentadbiran MK AB. Ini meliputi merancang, menyelaraskan dan menyediakan semua keperluan komunikasi pemerintahan dari peringkat MK AB hingga ke formasi/assigned forces. Ia mesti berupaya untuk memenuhi pelaksanaan semua operasi bersama, operasi gabungan dan multinasional. Bahagian ini juga berperanan untuk membangunkan keupayaan komunikasi pemerintahan yang diperlukan oleh ATM di masa hadapan termasuk keupayaan Peperangan Elektronik (PE). Penugasan ini meliputi tanggungjawab merancang, membangun, mengurus serta menyelenggarakan semua keperluan pengkomputeran dan pengurusan maklumat di MK AB.

- Bahagian Hal Ehwal Awam (J7) berperanan untuk menentukan keselamatan dan ketepatan maklumat yang disalurkan kepada pihak media, memberi nasihat, membantu dan mengkoordinasi sumber publisiti terhadap perkara-perkara operasi dan latihan untuk diketahui oleh masyarakat umum.

- Bahagian Kesihatan Ketenteraan (J9) berperanan menyediakan perkhidmatan dalam hal-hal perubatan dan kesihatan anggota, pengurusan penempatan, operasi, merancang latihan, perhubungan, interoperability, latihan bersama, pemodenan angkatan, struktur dan pengagihan sumber. Bahagian ini juga bertanggungjawab mengeluarkan arahan dan garis panduan dalam segala hal berkaitan dengan perubatan operasi dan menumpu kepada penyatuan tugas operasi harian bagi staf operasi, doktrin, latihan, perkembangan kombatan, bantuan operasi pangkalan dan sumber-sumber.

Konsep Assigned Forces.

Konsep ini memberi penekanan kepada sokongan oleh setiap Perkhidmatan terhadap semua operasi dan latihan pemerintahan Angkatan Bersama dengan meletakkan komponen-komponen tempur dan bantuan Perkhidmatan di bawah pemerintahan serta kawalan operasi Panglima Angkatan Bersama apabila diperlukan. Manakala tugas "raise, train and maintain" masih tetap di bawah tanggungjawab setiap Perkhidmatan. Secara amnya, terup dan aset Perkhidmatan akan di assigned mengikut sistem pusingan yang termaktub di dalam Perkhidmatan masing-masing.

PENUTUP

Sejak penubuhan secara rasminya lebih setahun yang lalu, MK AB telah berjaya mengharungi segala cabaran dengan semangat yang jitu sehingga mencapai tahap yang boleh dibanggakan. Walaupun di usia yang muda ini, MK AB kini berdiri setanding dengan tentera negara-negara lain dan menjadi organisasi yang disegani di rantau ini. MK AB telah mencapai objektif penubuhannya setelah berjaya melaksanakan peranan yang diamanahkan dengan cemerlang di samping menaikkan nama Malaysia dan ATM khususnya di persada dunia. **S**





Lawatan Mesra Rombongan Isteri Mantan PTL Kukuh Ikatan Yang Sedia Terjalin

Oleh: **Lt Dya Siti Salina Johari PSSTLDM** Foto: **Arkib PR FOC RMN**

Era permodenan yang canggih dan berteknologi tinggi kini semakin berkembang pesat sejajar dengan penaklukan ilmu di serata pelusuk dunia. Menyedari hakikat ini, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) sentiasa bersedia dalam melakukan pembaharuan dari semasa ke semasa.

Buat julung kalinya Lawatan Mesra Isteri-isteri Mantan Panglima Tentera Laut dan Pegawai-pegawai Kanan TLDM telah diadakan bertempat di Wisma Samudera, Pangkalan TLDM Lumut. Penganjuran majlis ini merupakan cetusan idea dari Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Laut iaitu Yang Berbahagia Datin Sarah binti Tun Abdul Ghafar serta mendapat restu dari pucuk pimpinan tertinggi TLDM iaitu Panglima Tentera Laut, Yang Berbahagia Laksamana Dato' Sri Abdul Aziz bin Hj Jaafar untuk melaksanakannya.

Lawatan ini mempunyai pengertian yang amat bermakna dan berharga khususnya kepada para isteri mantan PTL serta pegawai-pegawai kanan TLDM yang hadir kerana ianya turut memberi peluang untuk meninjau serta melihat sejauh mana perkembangan pangkalan TLDM dewasa ini. Secara tidak langsung, segala suka duka dan pahit getir sewaktu menjalani kehidupan di pangkalan ini suatu ketika dahulu dapat dikongsi bersama dengan para isteri *the Navy People* kini disamping bertukar-tukar pengalaman yang diperolehi ketika TLDM mula ditubuhkan.

Di dalam ucapannya, Laksamana Dato' Sri Aziz menyatakan bahawa rata-rata dari kita mungkin terlepas pandang atau tidak sedar mengenai sumbangan yang diberikan oleh para isteri sama ada secara langsung atau tidak.

"Tidak dapat dinafikan bahawa, TLDM maju dan berada di persada sekarang adalah kerana peranan '*behind the scene*' yang dimainkan oleh mereka semua dalam

membantu hala tuju TLDM dan pada masa yang sama menentukan kebajikan dan kesejahteraan warga TLDM sentiasa terjaga.

Lawatan ini turut memberi peluang kepada pihak TLDM untuk menerangkan pembangunan-pembangunan dan pemodenan aset yang dialami oleh pangkalan ini khususnya dan TLDM amnya."

Apa yang lebih penting, hubungan dan ikatan silaturrahim dapat diertatkan di antara para isteri *the Navy People* dengan isteri-isteri mantan PTL serta pegawai-pegawai TLDM.



"Saya berpandangan bahawa isteri-isteri umpama *the pillar and the strength of the Navy People*. Dengan itu, TLDM bertekad untuk terus mengambil berat perihal kebajikan warga TLDM dan keluarga mereka, sama ada yang masih berkhidmat ataupun yang telah bersara.

Kehidupan sebagai seorang isteri pada suatu masa dahulu menuntut kesabaran dan pengorbanan yang amat besar dalam membantu suami memenuhi amanah Negara. Dengan adanya lawatan seumpama ini, akan mengembalikan memori silam dan kenangan manis yang masih kekal dalam ingatan," tambahnya lagi.

TLDM sedia menerima sebarang pandangan atau cadangan bagi menambahbaikkan organisasi. Di akhir ucapannya, Laksamana Datuk Aziz menyatakan bahawa penganjuran lawatan seperti ini harus diteruskan pada setiap tahun agar hubungan baik yang terjalin sentiasa berkekalan.

Turut hadir menjayakan lawatan ini ialah Timbalan Panglima Tentera Laut, YBhg Laksamana Madya Dato' Mohammed Noordin bin Ali dan isteri, Datin Sabariah binti Abd Hamid; Panglima Armada, YBhg Laksamana Madya Dato' Ahmad Kamarulzaman bin Ahmad Badaruddin dan isteri, Datin Noor Azrina binti Abdullah; serta turut diraikan ialah Datin Fatimah Abdullah, Puan Sri Ainiah binti Hj Mashhor, Puan Sri Syarifah Mon binti Salim Al-Sagoff dan Datin Rohani Abdullah. **S**

Teknikal: Cabaran Dan Keistimewaan

Oleh: Lt Ng Keng Lip TLDM

DARI semasa ke semasa teknologi pertahanan negara kita sentiasa dipertingkatkan dan dinaik taraf. Dalam konteks ini, Laut Diraja Malaysia (TLDM) tidak ketinggalan untuk menambah dan memperbaharui sistem-sistem pertahanannya bagi membuktikan ia mampu menjadi sebuah organisasi mantap dan berdaya saing sesuai dengan hasrat TLDM untuk menjadi World Class Navy.

Umum diketahui, TLDM merupakan salah satu cabang Angkatan Tentera Malaysia yang mempunyai peralatan dan sistem berteknologi tinggi yang mana semakin hari semakin meningkat teknologi khususnya di dalam bidang teknikal. Peningkatan ini selaras dengan kemajuan dan pemodenan kapal-kapal TLDM yang semakin berteknologi bagi melancarkan tugas dan tanggungjawab warga TLDM dalam menjaga perairan Malaysia.



Pelatih TLR sedang belajar litar elektronik.

Selain itu, kepakaran tersebut juga memainkan peranan penting bagi memastikan infrastruktur di dalam pangkalan TLDM sentiasa berada dalam keadaan baik.

Kejuruteraan Letrik Senjata merupakan kepakaran tunggal bagi menyokong penyediaan kapal-kapal TLDM beroperasi khususnya di dalam mengekalkan mutu pengoperasian sistem persenjataan yang berteknologi tinggi.

Bagi Kejuruteraan Letrik Radio pula, ianya menjurus kepada sistem radar dan radio. Penjagaan dan senggaraan peralatan yang baik dapat menjamin pengoperasian kapal-kapal TLDM.

Selain kepakaran di atas, Skim Perantis Diploma Teknologi Marin (DTM) turut ditawarkan kepada mereka yang beminat iaitu Teknisyen Marin Mekanikal (TMM), Teknisyen Marin Elektrik Sistem (TMES),



Pelatih ME sedang belajar CNC mesin.

Jika dilihat sejarah bidang teknikal, kepakaran ini sudah lama wujud iaitu sejak tertubuhnya TLDM pada 1939. Kerjaya teknikal adalah amat penting di dalam TLDM yang mana kebanyakan aset-aset memerlukan kemahiran teknikal untuk mengendalikannya.

Teknikal merupakan teknik atau cara melaksanakan atau menyelesaikan sesuatu cara atau kerja. Teknikal juga merupakan satu bahagian yang sangat penting dalam apa jua pekerjaan. Bahagian Teknikal dalam TLDM dibahagikan kepada tiga cabang utama iaitu Kejuruteraan Marin Mekanikal (TMK), Kejuruteraan Letrik Senjata (TLS) dan Kejuruteraan Letrik Radio (TLR).

Kejuruteraan Marin Mekanikal ataupun lebih mesra dipanggil 'ME' merupakan satu kepakaran yang sangat penting bagi memastikan peralatan-peralatan di dalam kapal-kapal TLDM dapat beroperasi dengan baik dan bersedia untuk belayar sama ada bagi jarak dekat mahupun meredah ombak di lautan luas.

Teknisyen Marin Elektrik Kuasa (TMEP).

Selain kepakaran tersebut, sebelum ini skim Perantis juga menawarkan kepakaran Teknisyen Marin Srimala (TMS) namun ia telah dimansuhkan dan diserapkan ke dalam kepakaran TMM. Skim tersebut telah diubahsuai bagi mendapatkan kelulusan Diploma sebagai peningkatan taraf Skim Perantis kimpunya yang dahulu dan sekarang di gelar Skim Perantis DTM.

Bidang teknikal di dalam TLDM mempunyai keistimewaan tersendiri antaranya dari aspek skim gaji yang mana mereka akan diberi tangga gaji band 5 setelah tamat kursus teknisyen di KD PELANDOK. Apa yang menarik dalam kepakaran tersebut juga adalah tempoh bagi kenaikan pangkat anggota ke Laskar Kanan adalah lebih cepat berbanding kepakaran Bekalan dan Kelasi.

Anggota Skim Perantis DTM layak memakai pangkat Laskar Kanan sebenar dengan syarat perlu menghabiskan kursus

Perantis DTM selama 4 tahun dan lulus dengan baik.

Sekiranya anggota didapati cemerlang di dalam tugas dalam masa setahun, anggota layak untuk dinaikkan ke pangkat Pemangku Bintara Muda. Seterusnya, jika enam bulan kemudiannya anggota tidak melakukan sebarang kesalahan atau melanggar mana-mana arahan, anggota akan disahkan ke pangkat Bintara Muda sebenar.

Bagi TMK dan TMM sememangnya enjin menjadi 'rumah pertama' mereka ketika berada di kapal dan perlu menjaga beberapa harta di kapal dengan baik. Antara harta yang perlu dijaga kepakaran TMK dan TMM adalah Jentera Utama, Janakuasa, Kotak Gear, Sistem Kemudi, Sistem Hawa Dingin, Sistem Penyejukbekuan, Sistem Udara Mampatan, Sistem Melawan Kebakaran dan peralatan-peralatan yang lain.



Pelatih ME sedang buat kerja-kerja mesin larik.

Anggota berkepakaran TLS dan TME(S) pula, perlu memastikan barangan kapal seperti Penjana Elektrik, motor yang ada di kapal, Kotak Panel Utama, lampu, Sistem Monitoring, Sistem persenjataan serta peralatan yang lain sentiasa di dalam keadaan baik.

Manakala anggota berkepakaran TLR dan TME(P) pula perlu memastikan pengoperasian kapal lancar dan dapat menghubungi markas serta dapat maklumat yang terkini. Peralatan di bawah jagaan mereka adalah Radar, Radio, walkie-talkie, Gyro dan peralatan yang lain.

Keperluan anggota berkepakaran teknikal dalam TLDM adalah amat tinggi yang mana setiap pengambilan perajurit muda kebanyakannya adalah anggota teknikal. Namun, kombinasi terbaik antara kepakaran Teknikal, Bekalan dan Kelasi memantapkan lagi barisan TLDM di dalam mempertahankan Negara di persada samudera. **S**

Kehidupan Berkualiti Menurut Perspektif Islam

Oleh: **Kapt Abdul Jabar Bin Yusof**
Peg Staf Kerohanian.

Beberapa persoalan keramat perlu diungkap oleh setiap individu Muslim yang pentingkan kualiti hidup di dunia dan akhirat. Kejadian manusia sesuai dengan sifatnya sebaik kejadian "ahsani takwim" atau "the great creation" menjadikan akal sebagai elemen penting yang membezakannya dengan makhluk lain seperti binatang, tumbuh-tumbuhan, bukit bukau, gunung-ganang dan sebagainya.

Justeru, segala perlakuan, peribadatan, tingkah laku, pertuturan, persaudaraan dan sebagainya dikawal dalam ruang lingkup apa yang dinamakan sebagai hukum. Hukum ialah "Khitob" ya'ni ketentuan Allah terhadap sekelian perbuatan hamba yang Mulkallaf "baligh" sama ada wajib, haram, harus, sunat, dan makruh.

Hukum bertindak sebagai peraturan yang mendasari setiap tindak tanduk manusia untuk membezakan siapakah di kalangan mereka yang patuh dan engkar. Individu yang patuh, ganjarannya cukup besar bersesuaian dengan pengorbanan yang diberikan. Kepada individu yang engkar, azabnya juga bukan kepalang bersesuaian dengan besarnya hajat nafsu dan shahwat yang kecundang.

Hakikat yang mesti diterima sebagai satu mekanisme hidup insan rabbani, di kala melayari kehidupan di atas muka bumi ialah bahawa jalan menuju ke syurga penuh dengan onak dan duri, ranjau, kepayahan, kesusahan, pengorbanan, air mata, kehilangan harta benda, keluarga, bahkan jiwa dan raga. Sebaliknya jalan untuk menuju ke neraka dibayangi runtunan

nafsu dan shahwat. Allah s.w.t berfirman "sesungguhnya nafsu itu, sentiasa menyeru ke arah kejahatan". Nafsu dan shahwat lebih terarah kepada keseronokan, poya-poya, tipu-daya yang sifatnya hanya sementara bak fatamorgana. Nafsu dan shahwat akan lebih bermaharaja lela apabila berdepan dengan tiga "ta":

1. Wanita 2. Harta 3. Takhta

Sebagai manusia yang berada pada kondisinya yang teratas lagi terbaik berbanding makhluk lain, akal yang sejahtera akan memandu seluruh pancaindera dari hasutan syaitan melalui runtunan shahwat yang membuak-buak. Hati yang kudus lagi sejahtera sudah pasti akan memujuk akal yang bertindak mengawal pancaindera dari serangan ganas nafsu serakah. Akan berjayalah manusia yang mampu menangkis hasutan syaitan di mana keseronokannya hanyalah sementara. Sesungguhnya keseronokan akhirat akan kekal abadi.

Peringatan Imam Ghazali wajar dijadikan panduan ketika berkelana di bumi yang penuh dengan pancaroba lagi mencabar dengan katanya:

1. Yang paling dekat dengan manusia ialah kematian.
2. Yang paling jauh daripada manusia ialah waktu yang berlalu.
3. Yang paling besar dalam diri manusia ialah nafsu.
4. Yang paling berat dalam diri manusia ialah amanah.
5. Yang paling ringan dalam diri manusia ialah meninggalkan sembahyang.



Kapt Abdul Jabar bin Yusof mula berkhidmat di Markas Tentera Laut dari 1 Jun 04. Beliau telah diper Jawatkan di Cawangan Pembangunan Sumber Manusia sebagai Pegawai Staf Kerohanian. Antara pengalaman beliau yang paling berharga sepanjang berkhidmat dengan TLDM ialah apabila terpilih sebagai Pegawai Agama KLD TUNAS SAMUDERA belayar ke Lautan Baltik untuk menyertai *The Tall Ships' Races 2007*. Pengalaman melihat gelagat manusia dan kemanusiaan di bumi asing, dipukul gelombang berbumbungkan langit berlantaikan geladak tanpa mengira waktu dan masa antara pengalaman menarik yang tidak dapat dibeli dengan wang ringgit. Kini, beliau kembali bertugas di Cawangan Pembangunan an Sumber Manusia, Markas Tentera Laut.

"Islam is the way of life" bakal menemukan persoalan-persoalan keramat yang perlu ditanya oleh setiap individu agar kehidupan mereka disajikan dengan persediaan yang sewajarnya.

Persoalan-persoalan tersebut ialah:

1. Siapakah aku?
2. Siapakah yang menciptakan aku?
3. Apakah tujuan aku dihidupkan?
4. Apakah misi dan visi aku dalam kehidupan ini?
5. Bagaimanakah kesudahanku?
6. Bilakah saat kematianku?
7. Kemanakah aku sesudah kematianku?



PENGENALAN

Dalam perkembangan dunia ICT yang semakin pesat, penggunaan peralatan ICT dapat memudahkan melaksanakan kerja harian. Ancaman yang amat bahaya dalam dunia ICT ialah virus. Virus mampu merosakan peralatan ICT dengan menyerang perisian dan seterusnya dapat merosakan peralatan tersebut.

VIRUS

Virus komputer mengikut istilah komputer ialah sejenis program parasit yang tertanam di dalam salah sebuah perisian atau program. Selalunya ia disimpan dalam disk yang dinamakan "boot sector".

Apabila kita menjalankan/melarikan perisian yang dijangkiti virus atau cuba mencapai disk yang dijangkit, ianya akan mengaktifkan virus tersebut. Virus boleh diprogramkan untuk melakukan pelbagai perkara termasuklah menyalin diri mereka ke program lain, memaparkan maklumat tertentu di skrin, memusnahkan fail maklumat atau memadamkan keseluruhan cakera keras/hard disk.

CARA VIRUS MEREBAK

Virus komputer merebak melalui cara berikut:

- DISKET/PEN-DRIVE/MEDIA STORAGE.** Pembaikan virus boleh merebak melalui penggunaan disket, pen-drive, external hard disk dan pelbagai storage yang disambung ke komputer dan notebook. Media ini mempunyai kebolehan untuk read/write membolehkan virus menumpang dalam storage tersebut.
- INTERNET.** Kebolehan muat turun pelbagai fail dari internet mengakibatkan fail yang mengandungi virus dimuat turun dijangkiti kepada komputer dan notebook.
- ATTACHMENT FILE MELALUI EMAIL.** Virus boleh merebak melalui fail attachment yang dihantar melalui email. Apabila fail tersebut dibuka, virus tersebut akan terus diaktifkan ke dalam komputer atau notebook.
- RANGKAIAN KOMPUTER.** Virus juga boleh merebak melalui fail yang dihantar melalui rangkaian komputer. Terdapat juga virus yang boleh merebak dengan sendirinya dalam rangkaian komputer. Serangan ini boleh menyebabkan rangkaian komputer menghadapi masalah sekiranya virus tersebut juga menyerang peralatan rangkaian.

CIRI-CIRI VIRUS

Ciri-ciri virus adalah seperti berikut:

- CEPAT MEREBAK.** Virus merebak dengan

KATEGORI VIRUS KOMPUTER

Virus dikenal pasti sebagai suatu program yang mampu mendapatkan maklumat, memeriksa sesuatu fail, mampu menyembunyikan dirinya dan mampu menghapus atau mengubah sesuatu fail tersebut. Virus dapat dikategorikan sebagai:

SIRI	KATEGORI VIRUS	CATATAN
1.	VIRUS MIKRO	Program yang dicipta dengan menggunakan bahasa pengaturcaraan dan ianya mampu berfungsi apabila pengguna menggunakan sesuatu aplikasi itu sesuai dengan aplikasinya. Sebagai contoh virus ini dicipta sesuai dengan aplikasi Ms Word, maka ianya akan bertindak mengikut aplikasi ini.
2.	VIRUS BOOT SECTOR	Virus ini berfungsi dengan memindah dan menggantikan boot sector asli kepada program booting virus. Apabila program booting ini terjadi, virus akan dimasukkan ke memori dan virus ini akan mengendalikan perkakasan seperti pencetak atau skrin dan seterusnya menyebarkan kepada perkakasan.
3.	STEALTH VIRUS	Virus ini akan menguasai DOS iaitu "Interrupt Interceptor" dengan mengendalikan arahan-arahan didalam DOS.
4.	POLYMORPHIC VIRUS	Virus ini berfungsi mengawal program Antivirus supaya program Antivirus ini tidak dapat mengesaninya.
5.	VIRUS FILE/PROGRAM	Virus jenis ini akan memberi kesan kepada fail-fail yang berkait dengan sistem operasi.

cepat dan melakukan kerosakan dalam masa yang singkat.

- MEREBAK SECARA PERLAHAN.** Virus yang merebak secara perlahan dengan tujuan supaya tidak dikesan oleh pengguna komputer. Ia mampu merosakkan banyak fail kerana banyak fail kerana ia merebak secara perlahan dan apabila dikesan mungkin sudah terlambat.
- BERSEMBUNYI.** Virus berjangkit secara senyap-senyap dan menduduki bahagian baca/tulis cakera pada pemacu. Ia juga mampu menyamar dan ia tidak mengubah saiz fail sebelumnya.
- POLIMORFISMA.** Virus boleh mengubah dirinya kepada bentuk virus lain tanpa mempunyai bentuk saiz yang sama.

GEJALA/KESAN SERANGAN VIRUS

Gejala serangan virus terhadap komputer dan notebook adalah seperti berikut:

- Komputer peribadi dan notebook menjadi hang setelah di buka (on). Virus telah menyebabkan komputer tidak dapat memproses aktiviti-aktiviti yang diperlukan bagi membolehkan peralatan tersebut berfungsi dengan baik. Perkara ini mengakibatkan peralatan tersebut tidak dapat digunakan sehinggalah proses membuang virus tersebut dilakukan.
- Keupayaan atau prestasi komputer tiba-tiba menjadi lembap dan perlahan. Mengambil masa yang lama dalam membuka sesuatu aplikasi atau fail. Kelembapan ini mengakibatkan pengguna akan merasa bosan untuk menggunakan komputer tersebut kerana mengambil masa yang lama untuk membuat sesuatu kerja.
- Mesej "Out of Memory" keluar secara pop-up di skrin walaupun setelah diperiksa komputer tersebut mempunyai ruang ingatan yang mencukupi.
- Sistem Operasi Windows tidak dapat dilarikan kerana fail-fail penting yang digunakan untuk

melarikan sistem tersebut hilang.

- Wujudnya program-program yang tidak pernah diinstall, tiba-tiba muncul dan beroperasi dengan sendiri.
- Terdapat proses yang tidak diketahui sedang berjalan dan banyak menggunakan sumber CPU.
- Windows tiba-tiba sahaja reboot dan proses reboot berlaku berulang kali.
- Utiliti cakera seperti Scandisk melaporkan banyak error pada cakera selepas imbasan dilaksanakan.
- Program atau aplikasi yang sebelum ini boleh digunakan mengalami crash secara tiba-tiba.
- Drive partition bagi cakera keras, CD-ROM dan cakera liut tiba-tiba sahaja hilang.
- Menerima email yang mempunyai fail attachment yang ganjil.
- Perisian antivirus hilang secara tiba-tiba.

CARA MELINDUNGI KOMPUTER DARI SERANGAN VIRUS

Serangan virus dapat diatasi dengan melaksanakan aktiviti-aktiviti berikut:

- Kemaskini perisian anti virus secara tetap.
- Sentiasa berjaga-jaga bila memuat turun fail dari internet. Pastikan sumber yang sah dan bereputasi baik. Tentulah sahkan yang program anti virus memeriksa fail yang dimuat turun.
- Jangan buka mana-mana fail yang di attach melalui email jika tidak pasti kesahihannya.
- Jangan menggunakan disket atau sebarang storan yang tidak diketahui puncanya.
- Jangan sekali-kali menggunakan perisian cetak rompak.
- Gunakan perisian antivirus terkini dan dikemaskini.
- Imbas (scan) komputer setiap hari.
- Hentikan semua aktiviti komputer yang telah dijangkiti virus.
- Pastikan sistem pengoperasian sentiasa dikemaskini. **S**

KEJOHANAN MINI

Ke Arah Meningkatkan



Oleh: **Lt Dya Siti Salina Johari PSSTLDM**
Foto: **Arkib PR FOC**

Sambutan Kejohanan Mini Olimpik TLDM atau singkatannya KMO TLDM buat kali ke-20 telah dilaksanakan dengan jayanya bertempat di Pangkalan TLDM Lumut pada tahun ini. Kejohanan sukan dwitahunan yang berprestij ini mempunyai aura dan impaknya yang tersendiri serta merupakan acara kemuncak di dalam kalendar sukan TLDM.

Acara pembukaan dan penutup KMO TLDM 20/2008 telah dirasmikan oleh Panglima Tentera Laut, YBhg Laksamana Dato' Sri Abdul Aziz Hj Jaafar dan Timbalan Panglima Tentera Laut, YBhg Laksamana Madya Dato' Mohammed Noordin bin Ali, dengan penuh gemilang dan diwarnai dengan bendera yang menghiasi padang serta perarakan dari kontinjen-kontinjen yang terlibat.

Objektif utama kejohanan ini diadakan adalah untuk mencungkil bakat-bakat baru yang berpotensi bagi mewakili TLDM ke peringkat Perkhidmatan Tentera Malaysia (ATM), MAKSAT, kebangsaan mahupun

antarabangsa. Di samping itu juga, ianya menjadi salah satu platform utama bagi empat kontinjen yang mengambil bahagian iaitu Armada, Markas Bantuan, Markas Pendidikan dan Latihan (MPL) serta Markas Armada bagi mengungguli Piala KMO. Pada tahun ini, Markas Armada telah berjaya mengekalkan kejuaraannya sebagai johan formasi diikuti oleh MPL, Markas Bantuan dan Armada.


Jika diimbaz kembali sejarah kejohanan ini, ianya telah diilhamkan oleh Captain M. Burgoyne RN yang merupakan Komander Tentera Laut Malaysia Barat sekitar tahun 1970 di Woodlands, Singapura. Beliau gigih berusaha untuk mencungkil bakat-bakat baru di dalam bidang sukan di kalangan anggota TLDM dan antarabangsa.

Pada peringkat awal, kejohanan ini lebih dikenali sebagai Pesta Sukan dan kemudian namanya ditukar kepada KMO pada tahun 1976. Ianya dikelolakan pada setiap tahun mulai tahun 1976 hingga 1983 dan seterusnya menjadi sukan dwitahunan sehingga kini.

KMO TLDM merupakan kejohanan sukan terbesar di dalam TLDM yang berkonsepkan

OLIMPIK 20/2008

Kecemerlangan Sukan TLDM



KATEGORI LELAKI

- Olahraga
- Skuasy
- Renang
- Polo Air
- Sepak Takraw
- Bola Keranjang
- Tennis
- Memanah
- Renang Selat
- Bina Badan
- Mendayung
- Petanque
- Futsal
- Kriket
- Bola Sepak
- Perahu Layar
- Menembak
- Tennis Meja
- Ragbi
- Golf
- Mini Maraton
- Tinju
- Taekwando
- Hoki Geladak
- Kayak
- Bola Tampar
- Hoki
- Badminton

KATEGORI WANITA

- Olahraga
- Mini Maraton
- Memanah
- Hoki
- Bola Jaring
- Menembak
- Badminton
- Bola Tampar

VETERAN

- Olahraga
- Mini Maraton
- Renang Selat

sukan olimpik dan ianya dilaksanakan mengikut undang-undang serta peraturan antarabangsa sukan sedia ada berdasarkan Perlembagaan Lembaga Kawalan Sukan (LEKAS) TLDM. Kejohanan ini juga terbahagi kepada dua kategori iaitu lelaki dan wanita.

Di dalam kejohanan ini, sejumlah 28 acara sukan yang dipertandingkan bagi kategori lelaki, 8 acara bagi kategori wanita dan 3 acara untuk warga veteran.

TLDM sentiasa menitikberatkan pembangunan sukan kerana ianya dapat membentuk dan membakar semangat kesukanan di dalam diri *the Navy People*. Perkembangan pembangunan sukan perlu seiring dan seimbang dengan perubahan organisasi TLDM kini. Penglibatan di dalam bidang sukan bukan sahaja mampu menyumbang kepada kecergasan fizikal dan

mental, malahan ianya dapat meningkatkan prestasi diri. Warga yang sihat dan cergas merupakan aset yang berguna kepada organisasi, keluarga dan diri sendiri.

Kejayaan dalam menganjurkan kejohanan seumpama ini merupakan pemangkin kepada *the Navy People* dalam menggandakan usaha dan komitmen bagi memastikan prestasi sukan TLDM akan terus dipertingkatkan dengan lebih cemerlang dari semasa ke semasa. Melalui penganjuran seperti ini, ianya bukan sahaja mewujudkan semangat kesukanan yang tinggi dan melahirkan persaingan yang positif dan terbaik buat pasukan masing-masing bahkan mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan di kalangan *the Navy People*.

Setelah lebih 30 tahun kejohanan ini diperkenalkan, bidang sukan di dalam TLDM telah jauh mengorak langkah, sesuai dengan aliran dan cabaran semasa. Melalui kejohanan ini, ramai tokoh-tokoh sukan berjaya dilahirkan sehingga ke peringkat antarabangsa. Mereka ini telah berjaya memartabat dan memperkasakan imej TLDM di dalam bidang sukan.



Oleh: **QAIRIN NASALI** Foto: **PR FOC RMN/MK TL**

Pada tahun 1964, semasa Singapura masih menjadi sebahagian dari Malaysia, seramai 14 orang wanita Singapura pernah berkhidmat dengan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM). Mereka ialah dari Pasukan *Singapore Women's Auxiliary Naval Service (SWANS)* yang ditubuhkan di Singapura dalam tahun 1956. Kumpulan ini merupakan perintis perkhidmatan wanita di dalam Tentera Laut Diraja Malaysia. Anggota-anggota *Singapore Women's Auxiliary Naval Service* ialah dari Pasukan Malayan Naval

Volunteer Reserve Cawangan Singapura yang berpangkalan di Teluk Ayer, Basin.

Pasukan ini ditubuhkan untuk menguji kebolehan wanita dalam tentera laut sepertimana di negara-negara maju. Mereka telah diberi latihan sama seperti anggota lelaki.

Semua anggota *Singapore Women's Auxiliary Naval Service* yang berkhidmat dengan TLDM telah kembali semula ke pasukan asal Singapura berpisah dari Malaysia pada 9 Ogos 1966. Nama pasukan telah ditukar kepada *Singapore Naval Volunteer*.

Pada tahun 1972, Majlis Angkatan Tentera bersetuju untuk menubuhkan Kor Wanita di dalam Angkatan Tentera Laut. Justeru itu TLDM memulakan pengambilan wanita untuk berkhidmat di dalam Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Laut Diraja Malaysia (PSSTLDM) yang berpangkalan di KD SRI PINANG, Pulau Pinang dan KD SRI KLANG.

Seramai 83 orang wanita telah diambil untuk berkhidmat dan mereka ini menjalani latihan yang sama dengan anggota-anggota lelaki dan menunjukkan kemampuan melaksanakan latihan yang diberi. Kejayaan tersebut telah mendorong pengambilan wanita di KD SRI MEDINI, Johor Bahru.

Melihat kepada minat dan keperluan semasa ketika itu, seramai 20 orang di antara anggota wanita Pasukan Simpanan Sukarela TLDM telah diserap untuk berkhidmat secara sepenuh masa di dalam TLDM selama tempoh tiga tahun.

PENGAMBILAN TETAP

Berikutan kepada pencapaian 40 orang rekrut wanita yang telah berjaya menjalani latihan asas ketenteraan, mereka ini turut diambil untuk berkhidmat sebagai anggota tetap pada 1 April 1978. Setelah tamat latihan mereka ditempatkan ke cawangan kerani am, kerani gaji dan stor am.

SEL WANITA TLDM





Bagi pengambilan pegawai kadet wanita pula, seramai 14 orang telah dilaksanakan pada 1 Julai 1980. Mereka ini ditauliahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dalam perkhidmatan TLDM.

Tahun demi tahun beberapa pengambilan terus dilakukan untuk kesinambungan penglibatan wanita di dalam TLDM. Dari segi pelaksanaan tugas mereka telah jalankannya dengan jaya setanding anggota-anggota lelaki.

Melihat kepada kecenderungan ini, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah memberi peluang kepada kaum wanita untuk bersama menyumbangkan bakti dalam pertahanan negara yang umumnya didominasi oleh kaum lelaki. Walaupun pada dasarnya, anggota wanita diberi peranan dan tanggungjawab yang sama dengan anggota lelaki, namun penugasan mereka lebih menjurus kepada support role iaitu di bidang pentadbiran, latihan, komunikasi, pengurusan teknologi maklumat, bekalan dan logistik. Fenomena ini berlaku disebabkan oleh faktor budaya masyarakat di Malaysia dan fitrah kewanitaan serta keupayaan fizikal mereka.

Bagi merealisasikan hasrat tersebut, ATM telah menetapkan kuota anggota

wanita dalam ATM bagi setiap perkhidmatan pada sesuatu masa tidak melebihi peratusan yang telah ditetapkan. Ini adalah untuk mengimbangi kemasukan wanita dalam ATM agar ianya bersesuaian dengan penempatan perjawatan.

SEL WANITA TLDM

Oleh hal yang demikian, Pengurusan Tertinggi TLDM telah memutuskan penubuhan Sel Wanita TLDM (SELWA TLDM) pada 1 Mei 2008. Sel ini bertanggungjawab untuk memantau hal ehwal dan kebajikan anggota wanita di dalam TLDM di samping menyelaraskan pentadbiran aktiviti Badan Kebajikan Angkatan Tentera Laut (BAKAT Laut).

Antara objektif yang digariskan dalam penubuhan SELWA TLDM adalah mengurus, mentadbir dan memantau segala aspek hal ehwal anggota wanita TLDM yang melibatkan kerjaya, sosial dan kebajikan. Selain itu, ianya bertindak juga dalam menguruskan keperluan dan perlaksanaan aktiviti BAKAT Laut serta sebagai pengantara kepada Pengurusan Tertinggi TLDM dengan anggota wanita TLDM dalam menentukan perkhidmatan anggota wanita sentiasa relevan. Memupuk semangat esprit de corps

dan pembangunan modal insan turut ditekankan secara menyeluruh di kalangan anggota wanita TLDM dan BAKAT Laut.

Sel ini juga berperanan dalam memantau permasalahan anggota wanita berkaitan dengan isu gangguan seksual di tempat kerja, gender, isu kekeluargaan, bantuan kesihatan dan perkhidmatan kaunselor. Kajian dan tindakan turut diambil bagi laporan dan aduan yang berkaitan dengan anggota wanita TLDM serta cadangan penyelesaian akan diambil khususnya kepada perkara-perkara yang berbangkit. Penekanan terhadap analisa tahap disiplin dan peningkatan mutu disiplin di kalangan anggota wanita TLDM dari semasa ke semasa juga dipantau dan ini sedikit sebanyak dapat membantu pihak pengurusan atasan mengetahui keadaan semasa.

Pengumpulan terhadap dokumen penting seperti dasar dan polisi, arahan atau memo yang dikeluarkan berkaitan hal ehwal anggota wanita TLDM khususnya dan ATM khasnya sentiasa dititikberatkan.

Aktiviti-aktiviti seperti seminar, bengkel, kursus, latihan kepakaran, sukan dan rekreasi turut dikoordinasi demi pembangunan kerjaya dan pembangunan modal insan di kalangan anggota wanita TLDM.

Tambahan pula, kerjasama dan semangat setia kawan sentiasa dipraktikkan di antara anggota wanita TLDM dan tentera wanita ATM iaitu darat dan udara dari segi penonjolan imej dan identiti terhadap sumbangan dan pengorbanan mereka ini kepada negara dan sewajarnya mendapat tempat di mata masyarakat umum.

Dalam pada itu, SELWA TLDM turut menjadi sumber utama bagi anggota wanita TLDM dan sebagai penyelarasan bagi semua aktiviti bersama agensi luar seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta agensi badan beruniform yang lain. **S**





Jeddah ARAB SAUDI

Menjejaki Ibnu Battutah Bersama TUNAS SAMUDERA

(Bahagian 2)

Oleh: **Kapt Abdul Jabar Bin Yusof** yang mengikuti pelayaran bersama KLD TUNAS SAMUDERA ke Jeddah Arab Saudi.

Pelayaran ke Jeddah sememangnya dinanti-nantikan. Kapal belayar melepasi Arabian Sea dan memasuki Laut Merah. Rupa-rupanya kedatangan kami ke laut merah disambut dengan gelombang yang tiada kesudahan. Kapal dihempas bagaikan tiada kasihan. Keadaan kami tidak menentu. Kadang kala kedengaran bunyi barang terjatuh berselerakan. Aku lebih selesa berada di Upper Deck kerana dapat menghidup udara segar walau pun dalam keadaan terhuyung hayang apabila kaki melangkah. Tangan mesti berpegang di kiri atau kanan dinding kapal. Sembahyang berjemaah bersama krew terpaksa dilakukan dalam keadaan duduk. Seseekali "Spray" membasahi kepala dan badan kami. Aku langsung tidak menyangka begini keadaan kami. Kami telah melepasi beberapa lautan luas iaitu Laut Andaman, Lautan Hindi,

Laut Arab dan Teluk Benggala. Rupanya Laut sempit bernama Laut Merah cukup ganas sekali seganas Firaun terhadap nabi Musa. Di sinilah Firaun tenggelam bersama pengikutnya ketika memburu Nabi Musa yang menuju ke Semenanjung Sina untuk menyelamatkan diri. Semuanya berlaku di utara Laut Merah. Pelayaran kami ke Jeddah begitu mencabar sekali. Namun kami amat teringin sekali menjejaki Arab Saudi kerana di sana kami akan melakukan Umrah.

Pelayaran kami ke Jeddah dan seterusnya melakukan ibadah umrah begitu menarik dan bermakna sekali. Zaman kini hampir tiada lagi jemaah haji atau umrah datang ke Mekah dengan kapal. Mereka datang dengan kapal terbang dari lapangan terbang di tanah air terus ke Jeddah. Pelayaran kami ke Jeddah telah mengimbas kembali kunjungan jemaah dari Malaysia suatu ketika dulu dengan menaiki kapal arang. Berbulan lamanya mereka di laut sebelum dapat menjejaki bumi Mekah. Kami merasai pengalaman mereka kerana KLD TUNAS SAMUDERA melalui laluan yang sama. Setiba di Jeddah setelah belayar selama dua bulan, kerja-kerja senggaraan kapal dilakukan macam biasa. Esoknya kami mengunjungi KAABAH secara bergilir. Lelehan air mata mengiringi kunjungan kami ke Mekah ketika melakukan umrah dan paling terharu kami juga berpeluang menzira Masjid Nabawi di Madinah, Maqam Rasulullah, perkuburan Baqi', Jabal Uhud dan beberapa tempat menarik di sana. Peluang berada di Jeddah selama

6 hari dimanfaatkan sebaik mungkin. Pelbagai tempat menarik dilawati. Rasa hati bagaikan lama lagi ingin tinggal di sini. Namun kami perlu meneruskan pelayaran. Meninggalkan pelabuhan Jeddah begitu terharu sekali. Perlahan-lahan kapal keluar meninggalkan Jeddah. Dalam diri disematkan azam. Akan kami datang lagi menjejaki Mekah di masa akan datang InsyaAllah.

PORT SAID MESIR

Kapal meneruskan pelayaran ke utara Laut Merah. Laut yang bergelora dirasakan amat lama untuk sampai ke destinasi. Buat pertama kali panduan kiblat bertukar arah dari matahari terbenam ke matahari terbit di sebelah timur. Kami menyusur ke utara dan pelayaran kami akan melalui Terusan Suez untuk memasuki Laut Mediterranean. Terusan buatan manusia ini terletak di negara Mesir menjadi laluan utama kapal-kapal dagang dari Eropah dan Asia. Mereka tiada pilihan lain terpaksa melalui terusan ini dengan bayaran tertentu kerana untuk melalui Afrika Selatan menuju Asia begitu jauh sekali. Lantaran itu dalam sehari beratus-ratus kapal dagang melalui terusan ini. Terusan Suez merentasi padang pasir sejauh hampir 100 km dan sesekali tumbuhan hijau kelihatan di sekitarnya. Ia bermula dari Bay of Suez, Laut Merah dan berakhir di Port Said, Laut Mediterranean. Setiap kapal yang melalui terusan ini akan dipandu oleh "Pilot" atau Juru Malim.

Sebelum melalui terusan ini kami dipesan oleh mereka yang pernah melalui





terusan ini agar menyediakan sesuatu seperti rokok, air dan sebagainya untuk memudahkan urusan melalui terusan ini. Jika tidak anda akan mengalami kesukaran melaluinya. Hati ini tidak mahu prejudis terhadap orang arab Mesir ini kerana kami belum lagi melaluinya. Rupa-rupanya memang betul. Melayan kerenah mereka untuk sebarang urusan di terusan Suez begitu meletihkan. Bermula dari bot tunda, hinggalah ke Juru Malim yang menaiki kapal kami penuh dengan "demand" itu dan ini. Berpuluh kanton rokok Marlboro yang dibeli oleh Pegawai Laksana lesap "dikebas" oleh mereka. Tingkah laku mereka memang kasar sekali. "Ustaz layan la ustaz, saya dah tak larat dah ustaz" Pegawai Memerintah mengeluh kerana sudah tak tahan dengan kerenah arab. Kami terpaksa di pandu oleh lima juru malim dengan jarak yang tertentu setiap seorang. Lima orang mempunyai lima macam kerenah. Letih rasanya melayan mereka walaupun semua urusan laluan sudah dibayar sebelum mendapatkan perkhidmatan.

Kapal akan berlabuh di Port Said, Mesir selama 10 hari untuk kerja-kerja penyelenggaraan setelah belayar selama 3 bulan. Setiba di Port Said untuk berlabuh, kami dihampiri oleh bot tunda dengan meminta habuan. Mendengar suaranya meminta-minta sudah cukup memalukan. Manakala di dalam kapal polis pelabuhan dengan kerenahnya. Memang betul seperti apa yang dipesan oleh mereka yang pernah melalui Terusan ini. Mesir memang terkenal dengan sejarahnya yang tersendiri. Peluang melawat Kaherah dimanfaatkan sebaik mungkin dengan melawat Piramid ciptaan Firaun di Giza. Binaannya cukup mengagumkan. Memang layak Piramid dinobatkan sebagai antara 7 keajaiban dunia. Ia seakan kukuh dan berdiri megah semegah firaun ketika memerintah Mesir seperti yang dinukilkan dalam al-Quran. Ketika asyik mengambil gambar berlatarbelakangkan Piramid, kami didatangi oleh dua orang

“Ilmu dan Berkelana Saling bertaut Rapat bagaikan Saudara kembar”

arab bersama tunggangan unta. Seorang menghulurkan tongkat dengan alasan untuk turun dari unta. Apabila unta sudah duduk, dia memanggil aku naik. Puas aku menolak dan dia puas memujuk suruh naik. Akhirnya aku mengalah lalu naik. Pegawai Memerintah mengambil gambar aku di atas unta beberapa keping. Apabila sudah turun dia meminta bayaran sebanyak 100 pound atau bersamaan dengan RM80. Terkejut besar aku dengan permintaan tersebut kerana hanya seketika sahaja. Puas aku bertengkar dengannya dan dia seperti biasa sebelum ini dengan selamba dan suara bagaikan mahu saja bertengkar. Pegawai Memerintah mendiadakan diri memerhati saja dari belakang.

Mukanya sudah nampak berubah. Aku kenal sangat dengan fiil pegawai Memerintah. Sudah lama kami bersusah-payah bersama. Tiba-tiba aku mendengar sergahan kuat terpacul keluar dari mulut pegawai memerintah seakan bergema pantulannya di belakang Piramid. Pernah juga aku mendengar sergahannya ketika di Kapal. Tapi kali ini kuat sekali. Arab tersebut mematikan kalamnya serta merta yang seketika tadi bagaikan bertih. Masing-masing tergamam. "Dont make me angry! Once i'm angry, i can't control" pegawai memerintah menambah sambil berlalu begitu sahaja. Aku pun cepat-cepat menghulurkan 10 pound kepada seorang lagi dan beredar meninggalkan mereka. Kelihatan arab tersebut masih lagi tergamam dan terpaku di situ. "Rupa-rupanya itu caranya berhadapan dengan mereka yang

mahu membelit kita Ustaz" kata pegawai memerintah. Pengalaman ini tak dapat dilupakan. Kemudian perasaan risau bersarang di dada kerana di sekitar Piramid penuh dengan mereka yang ingin menawarkan perkhidmatan tersebut secara paksa. Takut nanti kami diapa-apakan. Manalah tahu diajaknya kawan-kawan datang berhadapan dengan kami. Alhamdulillah kami selamat pulang ke kapal.

Suasana di Mesir berbeza sekali berbanding dengan Yemen dan Arab Saudi. Arab Saudi sebuah negara yang kaya dengan hasil minyaknya. Di Mesir, lelaki dan perempuannya lebih gemar memakai pakaian yang agak "trendy" dengan seluar jeans menjadi kegemaran. Perempuannya juga mengenakan "make up" yang agak tebal. 10 hari kami di Port Said sudah cukup mengerti tentang perangai Arab Mesir. Terdapat juga mereka yang begitu baik dan begitu mesra sekali. Apabila diperkenalkan dari Malaysia, rata-rata mengatakan "Malaysia No 1". Kami meninggalkan Port Said pada 9 Jun 07 memasuki Laut Mediterranean menuju ke Eropah. **S**



• Kepulangan KLD TUNAS SAMUDERA



Kepulangan pegawai memerintah kapal disambut keluarga tercinta.



DYMM Sultan Selangor... bangga dengan pencapaian TLDM.

• Mesyuarat *Project Management Review (PMR)* Ke-4 Kontrak Latihan di Perancis



Timb. Panglima Tentera Laut bergambar kenangan bersama tim Projek Angkatan Kapal Selam (PPAKS) di Cherbourg.



Majlis Penerimaan SCORPENE Submarine Type Diving Control & Platform Simulator (penyah laku) di Brest oleh Timb. Panglima Tentera Laut.

• Majlis meraikan kanak-kanak istimewa



Isteri Panglima Armada sedang mendukung salah seorang kanak-kanak yang diraikan.



Isteri Panglima Tentera Laut - prihatin & penyayang.



• **Lawatan Rasmi Tentera Laut Asing**



Senyuman terukir seterusnya menjalinkan kemesraan persefahaman antara pucuk pimpinan tertinggi tentera laut.

• **Majlis Meraikan Balu-Balu & Anak-Anak Yatim TLDM**



Majlis Ramah mesra di samping penyampaian sumbangan cenderahati mengakrabkan lagi hubungan.

• **Program Menderma Darah**



Staf perubatan teliti melaksanakan tugas.

Barisan anggota ATM dalam menyahut program yang dilancarkan.

• Sambutan Hari TLDM ke-74



Pemenang Piala Gonzales berjabat tangan dengan Panglima Tentera Laut.



Perasmian Hari Terbuka Armada oleh Panglima Tentera Laut.

• Anugerah Di Atas Usaha Yang Gigih



Usaha gigih dan semangat dedikasi yang jitu pasti beroleh kejayaan dan pengiktirafan. Syabas dan tahniah.



• Pertemuan Yang Mengeratkan Persahabatan



Aktiviti BAKAT bersama isteri tentera laut asing.



Perbincangan dua hala membawa kebaikan dan keharmonian antara TLDM & tentera laut asing

• Lawatan Commander U.S Pacific Fleet Admiral Robert F. Willard USN pada 25 Ogos 08



Penyampaian plaka TLDM oleh Panglima Tentera Laut kepada Commander U.S Pacific Fleet.



Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Pertahanan bertukar-tukar pendapat bersama rombongan Admiral Robert F. Willard USN.

• Projek Jiwa Murni TLDM Bersama Persatuan Kebajikan Anak-Anak Yatim dan Miskin Al Munirah, Klang



Muafakat membawa berkat.



Sumbangan kepada masyarakat turut diutamakan.

• Lawatan Menteri Pertahanan Vietnam Ke Pangkalan TLDM Lumut



Penyampaian Plaka TLDM oleh Panglima Armada kepada Menteri Pertahanan Vietnam



Penyampaian taklimat operasi kepada rombongan Menteri Pertahanan Vietnam



INILAH CINTAKU

Hari ini
 Bermula segalanya di sini
 Aku menangis kerana dirimu
 Mencari sang suria yang mencerah
 Siangku
 Mencari bulan yang menyilau
 Malamku
 Aku sendirian terkapai-kapai

Hari ini
 Ku tangisi nasibku bersamamu
 Di mana cintaku yang telah kau
 Bawa pergi
 Di mana kasih dan mimpiku yang kau
 bawa lari
 Aku keseorangan kini

Hari ini
 Aku kecewa dengan semua yang ku
 lalui
 Antara air mataku dengan
 senyuman
 Antara kenyataan dengan harapan
 Aku telah kehilanganmu
 Semoga kau berbahagia di sana
 Dan hentikanlah menghantuiku

Nukilan rasa : kerapu bara

Puisi untuk isteri

*Menjadi ketentuan Ilahi
 Kau diwartakan sebagai isteri
 Umpama ombak yang tak pernah jemu
 Membelai-belai pantai
 Begitulah dengan semangatmu
 Tak pernah jemu biarpun tika bersantai*

*Dalam tangis ada tawa
 Dalam duka ada suka
 Namun sokonganmu sentiasa terasa
 Walau hanya riak tanpa bahasa*

*Biarlah bujur yang lalu melintang patah
 Guruh dilangit leka berdentum
 Mahupun air dikali sentiasa berkocak
 Kental semangatmu tak pernah goyah
 Jadilah kau isteri yang dikagum
 Walaupun terkadang jiwamu memberontak*

*Semusim perlu keruh di muara
 Pelaut muram tonjol amarah
 Sepenuh masamu penuh pahala
 Jika hidupmu berlandaskan sunnah*

*Semangat ini takaku terhenti
 Jadilah si isteri taat di sisi
 Sepanjang masa untuk suami
 Dan.. kepada Ilahi untuk diberkati....
 Dirahmati.....*

Oris MWL • 3 - 08

YOU'D BE **SURPRISED** WHERE YOU FIND US

**If you're making the move into net-centric warfare,
choose your team-mates wisely. You'll find that
Thales has everything a navy needs.**

It's going to be a challenging transition. A new world of combined and coordinated operations, bringing all armed forces together and involving other nations. A new mind-set based on shared information across several platforms. Learning new ways to gather, analyse, and distribute data. Up against new threats. And always facing new pressure on budgets.

So you need a powerful and reliable partner.

Thales has the complete skillset: proven expertise in naval equipment and systems integration, comprehensive experience as a warship prime contractor, and unfailing determination to bring you through-life support and services.



**Past experience? Future vision?
No-one has more. For more information,
visit us at LIMA 2007.**

THALES

The world is safer with Thales



**OUR GUESTS
WILL BE WEARING DIFFERENT HATS
FOR THE SAME OCCASION.**



DATE:

1 – 5 December 2009

VENUE:

**Mahsuri International Exhibition Centre
Langkawi, Malaysia**

THE PREMIER MARITIME & AEROSPACE EXHIBITION

The leading maritime and aerospace show in the region just got better!

The Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition is now held at a single venue, the Mahsuri International Exhibition Centre, Taking you straight to the heart of Asia-Pacific's defense and civil growth markets. Network with over 250 delegations embodying key defence and civil decision makers and end users.

LIMA '09 – the essential platform to showcase best-in-breed emerging technologies and equipment. Don't miss it.

SUPPORTED BY:



Government of Malaysia



Ministry of Defence



Malaysian Armed Forces



Royal Malaysian Navy



Royal Malaysian Air Force



Royal Malaysian Police



Malaysia Maritime Enforcement Agency



Royal Malaysian Customs



Department of Civil Aviation



Malaysia Airports Berhad



Fire and Rescue Department, Malaysia



Department of Fisheries Malaysia



Malaysian Defence Industry Council



Maritime Institute of Malaysia



HW LIMA SDN BHD 35F-1-6 Jalan 2/27F, KLSC II, Section 5, Wangsa Maju 53300 Kuala Lumpur T : +603 4142 1699 F : +603 4142 2699 E : hw5@hwlima.org W : www.lima2009.com.my